


Jilid I  
Bil. 76



Hari Isnin  
15hb Oktober, 1979

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*House of Representatives*

PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

KANDUNGANNYA

## USUL-USUL:

**Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 8259]**

**Merakamkan Perasaan Dukacita di atas Kematian Mendiang Y.B. Tan Sri V. Manickavasagam dan Ucapan Takziah kepada keluarganya [Ruangan 8259]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 8279]**

**USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN:**

**Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan), 1979 [Ruangan 8306]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Pencen [Ruangan 8317]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (KANOWIT).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor.)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

- Yang Berhormat TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I., (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).

Yang Berhormat TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).

- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. S.M.S. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Isnin, 15hb Oktober, 1979
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## USUL

## ATURAN URUSAN MESYUARAT

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan :-

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini akan terus menimbangkan usul takziah berkenaan dengan kematian mendiang Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam sekarang juga.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini akan terus menimbangkan usul takziah berkenaan dengan kematian mendiang Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam sekarang juga.

**MERAKAMKAN PERASAAN DUKACITA DI ATAS KEMATIAN MENDIANG Y.B. TAN SRI V. MANICKAVASAGAM DAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGANYA**

2.36 p.m.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengemukakan satu usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian Yang Berhormat Tan Sri V.

Manickavasagam, Menteri Pengangkutan pada hari Jumaat, 12hb Oktober, 1979 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini sekali lagi kehilangan seorang ahlinya dan negara seorang negarawannya. Banyak kata-kata kenangan dan penghormatan telah dilafazkan oleh pemimpin-pemimpin, sahabat-sahabat handai dan orang ramai terhadap jasa cemerlang, dedikasi dan kejujuran mendiang Tan Sri V. Manickavasagam kepada kaum dan negaranya. Kematian yang mengejut itu sungguh menyedihkan kita semua.

Mendiang Tan Sri V. Manickavasagam adalah seorang veteran politik dan ahli yang paling lama berkhidmat dalam Jemaah Menteri Persekutuan. Bermula sebagai ahli Lembaga Bandaran Kelang pada tahun 1949, ia menjadi Ahli Dewan yang mulia ini pada tahun 1959 dan dilantik sebagai Menteri Muda Buruh, dan pada tahun 1964 sebagai Menteri Buruh. Pada tahun 1974 ia dilantik menjadi Menteri Perhubungan, Telekom dan Pos yang sekarang ini dikenali sebagai Menteri Pengangkutan sehinggalah akhir hayatnya. Jasanya di Kementerian-kementerian tersebut adalah banyak dan tidaklah payah saya menyebutnya satu persatu. Begitu juga jasanya kepada badan-badan antarabangsa seperti Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, tidak kurang cemerlang ialah sifat-sifat peribadinya. Ia adalah seorang yang halus budi bahasanya, hemah dan bertimbangrasi. Kesabaran adalah satu sifatnya yang ternyata, sebagaimana yang dapat disaksikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini sendiri. Bagaimana hangat dan hebat criticism ditujukan ke atasnya dalam Dewan ini, ia sentiasa tenang dan dengan berhalus memberi jawapan, penerangan dan penjelasan. Ia adalah seorang yang sedar sangat akan tanggungjawabnya kepada Dewan ini, kepada rakyat dan

negara. Dalam jawatannya sebagai seorang Menteri ia telah menghadapi berbagai-bagai masalah yang berat dan rumit. Tiap-tiap kali masalah-masalah seumpama itu berbangkit, ia menumpukan segala tenaga dan fikirannya kepada masalah-masalah itu dengan tidak menghiraukan waktu dan kesihatannya.

Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, kehilangan Tan Sri V. Manickavasagam adalah satu kerugian yang besar kepada Dewan ini dan negara. Bagi diri saya, saya kehilangan seorang sahabat yang rapat, yang dihormati, yang boleh saya bersandar untuk mendapat nasihat dan sokongan yang jujur dan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

2.40 ptg.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul menyampaikan ucapan takziah dan simpati kepada keluarga mendiang Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam.

Mendiang Tan Sri V. Manickavasagam adalah seorang patriot negara yang sejati. Dengan pemergiannya yang mengejut negara telah kehilangan salah seorang rakyat yang teragung. Sebagai salah seorang pengasas negara, mendiang Tan Sri V. Manickavasagam telah memberikan sumbangan ke arah meletakkan asas bagi kebajikan negara melalui Perikatan dalam MIC, UMNO dan MCA, negara telah meningkat maju dengan begitu hebat di masa-masa yang lalu, sekarang di bawah Barisan Nasional kemajuan-kemajuan selanjutnya sedang dicapai. Mendiang Tan Sri V. Manickavasagam telah memainkan peranan yang penting di dalam pembentukan negara. Tidaklah diragukan bahawa mendiang Tan Sri V. Manickavasagam telah menunjukkan peringkat perkhidmatan yang sangat tinggi terhadap negara, walaupun beliau tahu bahawa beliau memang tidak sihat. Beliau tidaklah berdiam diri, malah terus bekerja dengan tidak berhenti-henti dalam memimpin masyarakat India dan MIC. Pergiannya adalah satu kehilangan kepada kita tetapi warisannya akan tetap tinggal. Pandangannya dalam menolong membentuk sebuah negara Malaysia yang adil dan saksama, bersatu dan harmoni, berbilang kaum dan liberal akan tetap dikenang.

Saya sendiri merasa kehilangan seorang teman yang rapat dan juga rakan seperjuangan. Bagi kami dalam MCA kami sama-sama berasa sedih di atas kehilangan rakan yang tulin. Bagi pihak MCA saya ingin menyampaikan perasaan yang sangat sedih dan simpati serta mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Tan Sri V. Manickavasagam, Presiden MIC. Semoga rohnya berada di dalam ketenangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, satu usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah disokong, sekarang saya buka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

2.44 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian mendiang Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam, Menteri Pengangkutan pada 12hb Oktober, 1979 untuk menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Saya sangat terkejut membaca di dalam suratkhbar pada pagi hari Sabtu yang lalu tentang kepergian Tan Sri Manickavasagam. Sungguhpun kita semua sedia maklum mendiang Tan Sri Manickavasagam kurang sihat selepas pembedahan jantungnya di London dalam tahun 1976 tetapi, pada kelihatan nampaknya beliau telah berada bersama kita di Dewan ini dan kematiannya mengejutkan kita semua.

Dengan kematian beliau Malaysia telah kehilangan seorang anak yang termasyhur dan kita telah kehilangan seorang ahli Parlimen veteran yang telah menghabiskan sebahagian besar hayatnya dalam lapangan politik. Sungguhpun kita di sebelah sini tidak sependapat dan berdiri di bahagian yang lain dalam bidang politik, namun saya mendapati mendiang Tan Sri Manickavasagam adalah seorang yang peramah atau approachable dan seorang yang personable.

Pemergian mendiang Tan Sri Manickavasagam dalam usia yang muda itu iaitu ketika berusia hanya 53 tahun hanya mengingatkan kita semua bahawa kita akan berada di dunia ini untuk sementara waktu sahaja dan

kita hendaklah menggunakan dengan sebaik-baiknya hayat kita dalam berkhidmat untuk negara dan rakyat.

2.47 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk merakamkan sentimen saya yang terharu dan sedih di atas pemergian Yang Berhormat mendiang Menteri Pengangkutan Tan Sri Datuk V. Manickavasagam, rakan sejawat saya.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum negara Malaysia telah mengalami satu kehilangan yang tidak dapat diganti dengan mudah. Mendiang Yang Berhormat Tan Sri Datuk V. Manickavasagam dikenali secara popular sebagai "Manicka" yang merupakan salah seorang pemimpin negara yang terkemuka malah seorang negarawan di rantau ini.

Bagi diri saya sendiri peristiwa ini merupakan kehilangan bukan sahaja seorang rakan sejawat yang dihormati dan disayangi tetapi juga seorang sahabat yang karib. Jasa dan khidmat mendiang Tan Sri Datuk V. Manicka akan tetap kekal dalam ingatan di kalangan semua pihak yang mendampinginya beliau kerana humanisma dan sikap bertolak ansur dan kebolehan beliau bergurau senda walaupun di dalam keadaan krisis. Di atas sifat-sifat ini beliau bukan sahaja disanjung tinggi di seluruh Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa sehingga beliau pernah dipilih sebagai Yang di-Pertua Persidangan Buruh Antarabangsa dalam tahun 1970.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Dewan ini lebih-lebih lagi merasa suatu kehilangan yang besar oleh kerana mendiang adalah ahli Parlimen yang begitu berpengalaman dan terkemuka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan takziah kepada keluarga mendiang Tan Sri Datuk V. Manickavasagam atas kehilangan yang dialami oleh mereka.

Akhirnya, saya hendak mengucapkan simpati kepada rakan-rakan saya dalam parti MIC di atas kehilangan seorang pemimpin yang berkaliiber yang telahpun berkhidmat dengan cemerlang demi kepentingan parti rakyat dan negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi panduan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan beri peluang lebih dahulu kepada pemimpin-pemimpin parti-parti yang ada diwakili dalam Dewan ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

2.50 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Chong Teik):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pada hari Jumaat yang lalu ketika Dewan ini ditangguhkan, kita tidak sangka bahawa kita akan bermesyuarat semula hari ini tanpa kehadiran Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang merangkap Menteri Pengangkutan. Peristiwa sedih ini berlaku dengan begitu cepat, dengan mengejut, sehingga kita masih belum merasai kehilangan beliau. Bagi saya sendiri, saya masih rasa seperti mendiang Tan Sri Manickavasagam seolah-olah pergi tidur sebentar dan akan pulang ke Dewan ini kelak. Sebenarnya beliau telah hilang untuk selama-lamanya. Wajahnya tidak akan dilihat lagi, suaranya tidak akan didengar lagi di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mendiang Tan Sri telah meninggal dunia semasa beliau masih dalam perkhidmatan aktif bagi tanahair kita. Beliau sedar bahawa beliau pernah mengadakan "open heart surgery". Beliau sedar bahawa keadaan kesihatannya tidaklah begitu kuat. Walau bagaimanapun, beliau terus bekerja bersungguh-sungguh dan bertungkus-lumus untuk Kerajaan, untuk Parti, untuk Rakyat dan untuk Negara tanpa menghiraukan keadaan kesihatannya seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Mengikut buku hariannya, beliau betul-betul berkhidmat sehingga saat terakhir hayatnya. Pada September 29 (Sabtu) mendiang Tan Sri pulang setelah tiga minggu berada di luar negeri, iaitu selepas memimpin delegasi-delegasi Malaysia menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi Asean di Manila, Mesyuarat IPU di Caracas dan Mesyuarat Telekom Antarabangsa di Geneva. Beliau tidak rehat selepas menjejak kaki ke bumi Malaysia. Beliau terus bekerja.

September 30 ... (Hari Minggu)—Melawat Pelabuhan Kelang dan merasmikan

- Mesyuarat Agung Kesatuan Kakitangan Pelabuhan Kelang.
- Oktober 1 ... Melancarkan Lembaga Perkapalan Dalam Negeri.
- Oktober 2 ... Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Aturan Urusan Dewan Rakyat.
- Oktober 3 ... Menghadiri Mesyuarat Kabinet.
- Oktober 4 ... Terbang ke Johor Bharu untuk bertemu dengan Pasukan Petugas Lapangan Kapal-terbang Senai.
- Oktober 5 ... Pulang ke Kuala Lumpur dan menghadiri Mesyuarat Kabinet mengenai Perhubungan.
- Oktober 7 ... (Hari Minggu)—Menghadiri Mesyuarat Pre-Council Dewan Rakyat.
- Oktober 8 ... Menghadiri Mesyuarat Dewan Rakyat.
- Oktober 9 ... Menghadiri Mesyuarat Dewan Rakyat.
- Oktober 10 ... (Pagi) Menghadiri Mesyuarat Kabinet.  
(Petang) Menghadiri Mesyuarat Dewan Rakyat.
- Oktober 11 ... Bermesyuarat dengan semua pegawai-pegawai Kementerian yang ada kaitan dengan Projek Pelabuhan Kuantan.
- Oktober 12 ... Bekerja di Pejabat sehingga 3.30 petang. Pulang ke rumah. Diserang penyakit Jantung lebih kurang pukul 6.30 petang.

Sebelum mendiang Tan Sri meninggalkan pejabatnya untuk kali yang terakhir, beliau telah sempat menetapkan dengan notis yang singkat, satu mesyuarat besar bagi membincangkan projek Bintulu pada hari Sabtu, 13hb Oktober jam 10 pagi. Pegawai-pegawai di Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi pusat telah diarah oleh beliau untuk membincangkan dan mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan projek pelabuhan LNG yang penting itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan telah hilang seorang Menteri yang berpengalaman, berbakti dan bersemangat. Negara kita telah hilang seorang negarawan yang ulung dan tertua. Bagi Parti Gerakan, kami telah hilang seorang sahabat politik yang seperjuangan.

Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Tan Sri V. Manickavasagam dalam saat yang sedih ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

2.55 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, dengan perasaan yang amat sedih, saya bangun untuk menyokong usul ucapan takziah yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri di atas kematian mengejut dan tidak disangka-sangka Ahli Dewan yang paling kanan, Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam.

Mendiang Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam ialah seorang pemimpin yang lahir, besar dan bersekolah di negara ini. Beliau lahir di sebuah ladang, terpaksa meninggalkan bangku sekolah awal-awal lagi dan berpindah ke Kelang di mana beliau memasuki semula sekolah sehingga tahun 1943. Selepas pendudukan Jepun ketika berumur masih muda beliau telah memasuki politik. Beliau ialah salah seorang penganjur Parti MIC. Semenjak itu perkecimpungan beliau dalam politik amnya dan MIC khususnya telah menjadikan beliau sebagai seorang pemimpin MIC yang terkemuka.

Mendiang Tan Sri Manickavasagam telah memainkan peranannya selama 33 tahun dan memberi sumbangan terhadap kemajuan dan perkembangan politik di negara ini. Mendiang Tan Sri Manickavasagam mempunyai kepercayaan terhadap pembangunan negara. Beliau lebih merupakan seorang anak Malaysia daripada hanya pemimpin satu kaum. Beliau telah dilantik semula sebanyak empat kali di dalam kawasan pilihanraya yang sama. Beliau telah dapat mengadakan perhubungan erat dengan tiap-tiap pengundi yang terdapat di dalam kawasanya.

Mendiang Tan Sri Manickavasagam mengambil-alih pucuk pimpinan MIC dalam tahun 1973 dan telah mengadakan berbagai-bagai rancangan yang memperkuatkan hasrat Kerajaan untuk membantu golongan yang kurang berada yang mana masyarakat keturunan India adalah menjadi sebahagian daripadanya. Beliau memulakan satu sejarah baru dalam perjalanan MIC dan mengadakan Perhimpunan Ekonomi bagi kaum keturunan India dalam tahun 1974 dan selepas itu telah mengadakan berbagai anak-anak syarikat seperti Koperasi Serbaguna NESA yang mewujudkan bagi memperbaiki dan meninggikan kedudukan kaum keturunan India dalam bidang pemilikan tanah, rumah dan perniagaan kecil. Beliau juga menubuhkan Unit Trust MIC untuk membolehkan kaum keturunan India menyertai modal equity, seterusnya beliau telah menubuhkan Tabung Biasiswa bagi kaum keturunan India dan berjaya mengutip hampir \$1 juta. Biasiswa-biasiswa telah diberi kepada kaum keturunan India yang memerlukan bantuan di institusi-institusi tinggi di dalam dan di luar negeri. Tabung Biasiswa ini telah memberi faedah kepada lebih kurang 750 penuntut. Beliau juga telah mengadakan Sistem Pemberian mengikut persekolahan Tingkatan Atas dan Rendah yang melibatkan pemberian biasiswa melebihi \$61,000 dalam tempoh 3 tahun yang lepas.

Mendiang Tan Sri V. Manickavasagam telah meletakkan MIC di atas satu asas yang kukuh dengan adanya harta-harta yang dimiliki oleh MIC pada hari ini. Mendiang Tan Sri V. Manickavasagam telah memberi perhatian yang berat kepada memperbaiki mutu kehidupan pekerja-pekerja ladang. Melalui usahanya Rancangan Malaysia Ketiga telah memasukkan satu bahagian tertentu yang memberi perhatian kepada mutu kehidupan pekerja-pekerja ladang. Usaha-usaha beliau yang terakhir melibatkan satu analisa yang dijalankan bagi membolehkan rakyat Malaysia keturunan India mendapat faedah daripada rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan-rancangan Malaysia.

Mendiang Tan Sri V. Manickavasagam hidup sebagai seorang warganegara Malaysia yang benar-benar taat setia dan saya berasa amat megah menyatakan bahawa saya pernah berkhidmat di bawah beliau. Nama Tan Sri V. Manickavasagam akan tercatat di dalam sejarah Malaysia sebagai seorang anak Malaysia yang lahir di tanahair ini yang

berkhidmat untuk kebaikan negara ini dan meninggal sebagai seorang pemimpin yang setia dan penuh cedikasi. Adalah menjadi satu penghormatan yang besar kepada mendiang Tan Sri V. Manickavasagam jika kita mengikut jejak langkah beliau dalam usaha pembangunan negara demi kepentingan semua kaum rakyat Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dari Parti SNAP.

*3.01 ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Parti Kebangsaan Sarawak ingin menyokong usul ini dan merakamkan rasa dukacita dan sedih atas kehilangan salah seorang pemimpin teragung negara ini.

Mendiang Tan Sri V. Manickavasagam seperti yang kita semua maklum adalah salah seorang pemimpin negara yang telah menjadi pengasas kepada kestabilan politik yang berpunca dari penubuhan Parti Perikatan. Mendiang Tan Sri juga telah berjaya menyatupadukan kaum India di negara ini dengan memperkukuhkan Parti MIC yang menjadi tempat tumpuan harapan kepada rakyat Malaysia keturunan India.

Saya percaya Parti MIC merasakan kehilangan kepimpinan beliau itu. Sudah pasti pemimpin-pemimpin muda di masa ini akan dapat faedah daripada mencontohi unsur-unsur dan pimpinan daripada tokoh seperti mendiang Tan Sri V. Manickavasagam terutama dalam segi di mana kepimpinan itu berdasarkan hasrat untuk mewujudkan perpaduan di kalangan berbagai kaum yang ada di negara ini.

Commitment atau hasrat mendiang Tan Sri V. Manickavasagam ke arah perpaduan rakyat itu dapat dilihat daripada usaha-usaha mendiang itu untuk mencari unsur-unsur dalam susunan sosial dan kebudayaan kita yang boleh dijadikan asas kepada persefahaman antara kaum. Saya percaya usaha-usaha mendiang itu akan dapat diteruskan.

Maka saya sekali lagi merakamkan perasaan sedih atas pemergian mendiang itu dan juga menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya. Adalah diharapkan keluarga mendiang Tan Sri akan bersabar

dalam menghadapi keadaan sedih ini dan semoga mendiang akan terus berada di dalam kenangan negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tuaran mewakili Parti BERJAYA.

3.04 ptg.

**Datuk James Peter Ongkili (Tuaran):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyampaikan ucapan takziah daripada Kerajaan dan rakyat jelata Sabah atas kematian mendiang Tan Sri V. Manickavasagam yang begitu mengejut itu.

Tan Sri V. Manickavasagam adalah seorang tokoh negara yang telah memberi khidmat baktinya lebih sesuku abad lamanya. Dalam pada itu beliau telah menunjukkan kejujuran dan ketabahan hati dan pendirian dalam perjuangan partinya dan lebih-lebih lagi dalam perjuangan politik negara kita. Beliau juga telah diketahui ramai sebagai seorang pemimpin yang tidak mengenali penat lelah demi kepentingan dan kemajuan negara.

Dengan pemergian Tan Sri V. Manickavasagam, Malaysia telah kehilangan seorang pemimpin yang berpengalaman dan dedikasi. Rakyat di Sabah merasa sangat sedih atas kehilangan ini dan menyampaikan takziah kepada keluarga mendiang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud mewakili USNO.

3.06 ptg.

**Tan Sri Datuk Haji Mohamed Said bin Keruak (Kota Belud):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan perasaan sedih dan simpati dan menyokong atas usul ucapan takziah yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri atas kematian Tan Sri V. Manickavasagam.

Bagi pihak USNO sangat berasa sedih atas kematian beliau yang mengejut yang mana setahu kami beliau ini adalah seorang warganegara yang suka bercampur-gaul dengan apa golongan kaum pun dengan begitu rapat. Jasa-jasa beliau jika dikenangkan tentu tidak berkeputusan dari masa ke semasa sehingga pada masa-masa yang tidak akan dilupakan oleh seluruh rakyat di Malaysia ini. Beliau telah bertugas bukan sahaja memimpin suku

bangsanya dan Parti MIC, tetapi juga terus memimpin kepada rakyat Malaysia ini bersama dengan pemimpin-pemimpin yang lain.

Kejujuran beliau telah nampak di mata selama beliau memimpin sebagai pemimpin negara dan beliau telah menunjukkan dengan tugas-tugas yang memuaskan yang telah diterima oleh rakyat selama beliau menjawat jawatannya. Maka dengan kematian beliau kehilanganlah seorang pemimpin yang kita sayangi yang selalu kita hampiri bersama-sama mendapat fikiran yang lebih memuaskan untuk kebaikan dan kepentingan negara kita.

Maka seorang pemimpin seperti ini kita akan tidak melupakan dan kita berdoa mudah-mudahan roh beliau dipelihara oleh Allah. Dan juga kami tidak melupakan untuk menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga beliau dan bersabar atas kejadian yang telah berlaku dengan begitu serta-mertanya. Ini memanglah kita sebagai manusia akan menerima apa yang akan berlaku kepada kita dengan tidak diketahui. Ini adalah dengan takdir Allah. Dengan itu kita ber-simpati atas kematian beliau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dari Parti PBB.

3.09 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Parti Pesaka Bumiputra Bersatu, saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong usul takziah yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya ingin merakamkan rasa dukacita yang amat sangat dan mengucapkan setinggi takziah atas kematian Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam.

MIC sekali lagi kehilangan pemimpin agungnya selepas kematian Tan Sri Athi Nahappan dan Tun Sambanthan dan Malaysia kehilangan seorang Menteri yang berpengalaman dan kanan. Tan Sri V. Manickavasagam selaku warganegara Malaysia dan selaku Menteri telah banyak meninggalkan jasa bakti kepada negara Malaysia apatah lagi kepada kaum India di Malaysia ini selaku Presiden MIC.

Keamanan, keharmonian dan kestabilan politik yang dialami oleh kita sekarang adalah juga akibat dari khidmat bakti beliau.

Kematiannya dirasakan oleh kita semua lebih-lag: pihak MIC dari kaum India. Jasa cemerlangnya saya rasa akan dapat dicontohi oleh kita semua. Saya penuh menghormati sifat baik, jujur, sabar dan dedikasi Yang Berhormat Tan Sri dan bagi pihak Parti PBB saya mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada keluarga Tan Sri semoga mereka sentiasa di dalam keadaan bersabar di dalam menempuh suasana kesedihan ini.

3.10 ptg.

**Tuan V. David (Damansara):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh atas apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Petaling. Adat dan kebudayaan kita di Malaysia adalah menghormati sesiapa yang meninggal dunia.

Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam ialah seorang anak Selangor macam saya dan saya telah kenal Tan Sri V. Manickavasagam lebih kurang dua puluh lima tahun iaitu sebelum saya lepas sekolah lagi saya telah kenal Tan Sri Manickavasagam, dan kita sentiasa tidak menerima fikiran masing-masing, apa fikiran saya dia tidak terima dan fikiran dia saya tidak terima tetapi kita telah menjadi kawan di dalam dan di luar Dewan ini. Apabila mendengar beliau meninggal dunia saya terperanjat oleh kerana kita sebagai manusia dalam negara kita sesiapa yang meninggal, simpati kita adalah lebih.

Hari ini saya serahkan simpati kepada ahli-ahli keluarga mendiang dan Dewan ini bolehlah selalu mengingatkan seorang colleague dan kawan kita di Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato Haji Mohamed bin Nasir.

3.12 ptg.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul takziah yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri sekejap tadi.

Dengan penuh perasaan dukacita saya ingin merakamkan rasa sedih di atas kematian mendiang Tan Sri V. Manickavasagam, Menteri Pengangkutan Malaysia yang telah banyak menabur jasa kepada negara dan rakyat Malaysia. Saya pernah bergaul rapat dengan beliau sebagai seorang sahabatnya. Mendiang adalah seorang warganegara Malaysia yang

dihormati dan mempunyai sifat sederhana tetapi berpandangan jauh. Selaku Presiden MIC kewibawaannya dan kepimpinannya telah banyak mencapai kemajuan di dalam parti tersebut. Kematiannya telah banyak merugikan MIC tetapi juga kepada negara. Saya percaya MIC akan terus memperjuangkan cita-cita mendiang bagi mengujud kerjasama di antara kaum di dalam negara ini terutama kebahagiaan, keselamatan dan kemakmuran negara. Atas nama diri saya sendiri dan Parti BERJASA saya menyampaikan takziah kepada keluarga mendiang mudah-mudahan mereka terus tabah dan berjaya menghadapi percubaan ini.

Saya mohon menyokong usul takziah.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam, Menteri Pengangkutan pada 12hb Oktober, 1979 untuk menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang pertama, pagi tadi saya telah menerima telefon daripada Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak dapat datang ke Parlimen hari ini dari Kuching kerana kematian iparnya.

## BUMIPUTRA SARAWAK DALAM PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

**2. Tuan Thomas Salang Siden:** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah pencapaian telah dibuat oleh kaum bumiputra di Sarawak dalam menyertai bidang perdagangan dan perindustrian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyatakan bahawa kaum bumiputra di Sarawak telah mencapai kejayaan yang menggalakkan dalam beberapa

bidang perdagangan dan perindustrian. Di dalam bidang yang tertentu, bumiputra di Sarawak telah mencapai kemajuan yang sedang dengan bumiputra di Semenanjung Malaysia. Kejayaan ini terdapat dari peringkat perniagaan yang kecil sampailah kepada projek-projek besar seperti hotel dan kilang. Sebagai contoh, pada 31-12-1978 sebanyak 230 projek yang diberi lesen di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975. Bagi projek-projek ini, jumlah modal yang telah dibayar pada 31-12-1978 adalah sebanyak \$189,063,747 dan dari jumlah ini, modal yang dimiliki oleh bumiputra adalah sebanyak \$39,427,351 iaitu 20.86% daripada jumlah modal yang telah dibayar. Kejayaan juga telah dicapai oleh bumiputra dalam bidang pengedaran beberapa jenis barang dan di antaranya adalah seperti berikut:

<i>Jenis Barang</i>	<i>Bilangan Pengedar Bumiputra</i>	
(i) Tepung ...	...	3 (10%)
(ii) Gula ...	...	3 (10%)
(iii) Minyak Tanah ...	12	(6.9%)
(iv) Gas ...	...	9 (16.4%)
(v) Pam Minyak ...	11	(6.4%)
(vi) Besi dan Besi Waja	2	(11.1%)
(vii) Simen ...	...	7 (46.7%)
(viii) Rokok ...	...	2 (11.8%)

Dalam bidang perniagaan kecil pula, terdapat sebanyak 1,284 penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil bumiputra, iaitu 16.3% daripada semua penjaja dan peniaga kecil dan angka ini adalah bertambah dari masa ke semasa. Begitu juga dalam bidang pemborongan binaan; sungguhpun kejayaan yang telah dicapai belumlah begitu memuaskan, akan tetapi tidaklah kurang daripada yang telah dicapai oleh pemborong-pemborong binaan bumiputra di Semenanjung Malaysia. Sebagai contoh, bilangan pemborong binaan bumiputra yang didaftarkan dengan Jabatan Kerja Raya berjumlah sebanyak 514, iaitu merupakan 68.1% daripada semua pemborong binaan yang berdaftar dengan J.K.R. Sungguhpun begitu, kebanyakan dari mereka ini berada dalam Kelas D dan ke bawah. 3 daripada mereka berada dalam Kelas A, 2 Kelas B, 4 Kelas BX dan 2 Kelas C.

Oleh hal yang demikian, kejayaan yang telah dicapai oleh bumiputra di Sarawak pada masa sekarang adalah jauh melebihi daripada yang terdapat sebelum Sarawak merdeka dalam Malaysia. Kerajaan ber-

keyakinan bahawa bumiputra di Sarawak mempunyai potensi untuk bertambah maju sehingga mencapai matlamat dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Apakah keadaan Sarawak ada perbezaan kalau dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia, maka bolehlah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini apakah kemajuan-kemajuan telah dicapai oleh kaum Iban kalau dibandingkan dengan kaum Melayu yang ada di Sarawak kerana kaum Iban adalah merupakan kaum yang majoriti dalam golongan yang disebutkan kaum Bumiputra?

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kaum Iban adalah termasuk dalam golongan bumiputra jadi kejayaan yang telah saya katakan tadi adalah termasuk juga kejayaan kaum Iban.

### GRED SEKOLAH-SEKOLAH

**3. Tuan Ismail bin Saïd** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan perasaan tidak puas hati yang mungkin timbul di setengah kalangan guru apabila penggredan semula sekolah-sekolah dilaksanakan nanti.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Speaker, saya memang sedar dalam soal penggredan sekolah-sekolah akan melibatkan banyak masalah-masalah. Oleh itu, Kementerian saya pada ketika ini amat berhati-hati dalam meneliti setiap kes penggredan bagi mengelakkan dari berlakunya masalah-masalah. Walau bagaimanapun, sudah menjadi kebiasaan apa juga keputusan yang dibuat termasuk penggredan ini nanti tidak akan dapat memuaskan hati semua pihak dalam erti kata yang sebenarnya. Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk memberi gambaran yang lebih jelas kepada Dewan yang mulia ini bahawa exercise menggred sekolah-sekolah ini bukanlah satu exercise menaikkan pangkat guru-guru. Tujuan exercise ini ialah untuk menggredkan sekolah yang telah berkembang di segi bilangan pelajar dan tugas. Ukuran dari menggred sekolah inilah maka pihak Kementerian saya akan melantik dan menaikkan pangkat guru besar yang layak bertugas di sekolah tersebut.

## MISC—PENGANGKUTAN GAS CECAIR ASLI

4. Tuan Oo Gin Sun minta Perdana Menteri menyatakan samada Syarikat Malaysia International Shipping Corporation telah berjaya mendapat lain kegunaan untuk kapal-kapal pengangkutan Gas Cecair Asli oleh sebab kapal-kapal pengangkutan Gas Cecair Asli akan mula berkhidmat pada tahun 1983. Sekiranya tidak, berapakah jumlah berlebihan faedah dan perbelanjaan mengelola yang kena ditanggung padahal tiada apa-apa perolehan akan didapati daripada kapal-kapal pengangkutan Gas Cecair Asli itu.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan serta Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad telah dan sedang giat untuk mencari kegunaan bagi kapal-kapal berkenaan sebelum kapal-kapal itu dapat digunakan membawa Gas Cecair dari Bintulu. Setakat ini, belum ada kegunaan yang menasabah yang diperolehi. Walau bagaimanapun, usaha sedang diteruskan untuk mencari kegunaan yang akan menguntungkan.

Kerajaan mempunyai anggaran awal mengenai kelebihan faedah serta kos penyenggaraan. Anggaran yang tepat tidak dibuat oleh kerana kiraan harga kapal-kapal itu ada kaitan dengan harga yang berubah-ubah mengenai beberapa bahan yang digunakan bagi membinanya, dan oleh itu sukar hendak menetapkan harga yang tepat untuk kiraan faedah sebelum siapnya terbina sebuah demi sebuah kapal. Saya dukacita bahawa anggaran ini tidak dapat diumumkan oleh kerana ia adalah rahsia perniagaan, dan pengumumannya akan merosakkan kedudukan MISC dalam perundingannya mengenai penyewaan kapal-kapal itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini apa kemajuan telah dicapai untuk menyewakan kapal-kapal tersebut kepada pihak Indonesia dan adakah perkara ini dibincangkan dalam rundingan-rundingan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Suharto dari Indonesia.

**Perdana Menteri:** Sebagaimana saya telah terangkan iaitu usaha kita tidak berhenti untuk mencari orang yang hendak menyewa kapal-kapal ini. Saya telah mem-

bayangkan kepada Presiden Suharto sekiranya dapat Indonesia membantu kita berkenaan dengan penyewaan kapal ini. Tetapi oleh kerana pengangkutan gas dan pembelian gas itu ada kaitannya dengan negara Jepun maka samada Indonesia boleh memberi bantuan kepada Malaysia berkenaan dengan penyewaan kapal ini bergantunglah kepada pihak Jepun. Dan setakat ini pihak Jepun belum lagi menyatakan yang mereka itu akan menggunakan ataupun boleh menggunakan kapal-kapal itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua, Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini setakat ini adakah tarikh untuk gas cecair dari Bintulu mula keluar (on stream) pada tahun 1983 ataupun ada perubahan oleh kerana dengan ada perubahan, ini akan bererti bahawa masanya lebih panjang kapal-kapal ini tidak boleh digunakan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rancangan kita, pengeluaran gas-gas cecair ini ialah diadukan pada tahun 1983. Walau bagaimanapun kita tidak tahu sama ada rancangan itu dapat diikuti mengikut jadual, hanya masa yang akan menentukan. Sekiranya pengeluaran itu terlambat lagi, tentulah terdapat kerugian dan keburukannya berkenaan dengan kapal-kapal yang ada di tangan kita pada masa itu.

## PENGHIRAJAHAN WARGANEGARA KE LUAR NEGERI

5. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa ada Warganegara-warganegara Malaysia yang meninggalkan Negara ini kerana mereka mencurigai keadaan masa hadapan politik Negara dan mereka berhijrah ke negara-negara lain seperti Hong Kong, Australia, New Zealand, Kanada untuk mencari kemewahan materialistik. Memandangkan mereka itu masih lagi memegang kerakyatan Malaysia, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap Warganegara seperti ini yang mencaci dan memburuk-burukkan imej Kerajaan kita.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar banyak orang berhijrah, bukan banyak tetapi ada orang berhijrah keluar daripada negara kita pindah duduk di negara lain. Ada yang pergi ke Australia, ada yang pergi ke England, Canada dan ada yang pergi duduk di Mekah. Tetapi Kerajaan tidak dapat memastikan sebab masing-masing mengapa dia keluar. Dalam begitu pun sekiranya Kerajaan mendapat tahu di dalam masa dia di luar negeri, dia membuat sesuatu ataupun melakukan satu-satu yang boleh diambil tindakan oleh Kerajaan terhadap kerakyatannya, maka Kerajaan tidak teragak-agak untuk berbuat demikian. Sehingga ini daripada tahun 1975 hingga tahun 1979 sampai ke hari ini sudah 302 kerakyatan ditarik oleh Kerajaan.

**Wan Ahmad Najib bin Wan Mohamad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berapa lamakah seseorang warganegara yang meninggalkan negara ini tanpa sebab-sebab perkhidmatan untuk negara ini, kewarganegaraannya boleh dibatalkan. Atau cara lain kewarganegaraan mereka itu boleh dibatalkan, kalau mereka itu meninggalkan negara ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua tadi, saya rasa di luar daripada lunas yang pertama.

Soalan yang pertama tadi memang ada di dalam peruntukan Perlembagaan kita, iaitu pada mereka yang mendapat kerakyatan selain daripada by operation of law, kalau dia duduk di luar negeri selama 5 tahun dengan tidak ada perhubungan, maka perkara itu boleh dipertimbangkan untuk perlucutan kerakyatan.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa peratus orang-orang yang meninggalkan negara kita ini dan profesionnya?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, itu saya tidak dapat hendak memberi angka-angkanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, itu berkehendakan notis.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberitahu Dewan ini di antara 302 orang di mana kerakyatannya ditarik balik maka bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, berapakah peratus sebenarnya daripada rakyat Malaysia telah meninggalkan atau keluar negeri melebihi dua, tiga atau lima tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peratus daripada apa ini?

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tadi, Yang Berhormat Menteri berkata ada 302 orang kerakyatan yang telah ditarik balik maka saya ingin mengetahui bahawa berapakah peratus daripada orang-orang yang ditarik kerakyatan ini kerana mereka keluar daripada negara kita melebihi tahun-tahun yang dihadkan oleh Perlembagaan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab yang ditarik kerakyatannya itu bukan sebab hanya dia duduk di luar dua atau tiga empat lima tahun tetapi ada sebab-sebab yang tertentu, umpamanya dia menggunakan hak rakyat negara itu yang dikhaskan untuk rakyat negara itu dia dapat menggunakannya ataupun dia mengambil kerakyatan di negara itu, jadi kepada orang inilah maka kita ambil kerakyatannya. Dan ada juga waktunya kita menarik kerakyatannya di dalam keadaan umpamanya dia membuktikan dengan perbuatan ataupun percakapan sebagai seorang rakyat yang tidak setia kepada negara. Ini pun boleh juga dicabut dan kepada mereka yang hendak berhijrah ke negara lain, sebab tidak berkenaan kepada negara ini, kita mengucapkan selamat jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menangkan sama ada angka-angka 320 atau 300 lebih kewarganegaraan ini telah dibatalkan, adakah mereka yang pergi ke luar negeri itu bukan tidak taat setia tetapi sungguhpun ada salah atau silap untuk mendapatkan kemudahan atau peluang untuk masuk ke institusi-institusi pelajaran tinggi, macam di India di mana mereka sebagai native boleh

dapat dan universiti-universiti di negara itu, adakah mereka ini dibatalkan kewarganegaraannya? Angka itu besar dan bolehkah Yang Berhormat Menteri dan Kementerian-nya menganggap perkara ini dengan simpati.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, bilangannya adalah 302 bukan 320. Dan mereka dicabut kerakyatannya bersabit dengan keadaan bahawa mereka itu sudah kelihatan ketara sekali bahawa mereka kekurangan dari segi taat setia. Umpamanya kes-kes yang menggunakan hak-hak negara asing, mereka mengundi di negara itu apabila orang lain tidak boleh mengundi umpamanya atau menggunakan pasport negara itu atau mengambil kerakyatan di negara itu.

#### PERSIDANGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN UGAMA ISLAM

**6. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan menganjurkan satu Persidangan Pemimpin-pemimpin Ugama atau Alim Ulamak Islam Negara-negara ASEAN bagi membincangkan cara-cara menetapkan permulaan berpuasa dan berhariraya yang serentak bagi negara-negara di rantau ini.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum penetapan tarikh berpuasa dan berhariraya di negara ini adalah dibuat oleh Majlis Raja-Raja dan apa-apa keputusan yang dibuat olehnya di atas perkara tersebut adalah muktamad. Majlis Raja-Raja telah memutuskan bahawa penetapan tarikh berpuasa dan berhariraya adalah dibuat secara melihat anak bulan atau rukyah.

#### OPERASI ISI PENUH

**7. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan permohonan yang diterima dan pecahan angka mengikut kaum, dan jenis kerjanya, semenjak Kerajaan melancarkan gerakan untuk mengambil dan mengisi lebih kurang 42,000 kekosongan di dalam perkhidmatan awam Persekutuan yang diberi nama "Operasi Isi Penuh" dan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mempercepatkan pengisian kekosongan ini dan menentukan bahawa ianya mencerminkan komposisi berbilang kaum di negara ini.

**16. Tuan V. David** minta Perdana Menteri menyatakan tentang pengumuman kekosongan 40,000 jawatan dalam sektor awam baru-baru ini sama ada beliau (Perdana Menteri) akan mempertimbangkan tawaran bekerja dalam perkhidmatan Kerajaan itu dilakukan berdasar pada asas yang berikut bagi membayangkan komposisi berbilang kaum di dalam masyarakat kita di Malaysia:

- (a) Pemohon keturunan Melayu 40%
- (b) Pemohon keturunan Cina ... 36%
- (c) Pemohon keturunan India ... 24%

**27. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kebaikan cara memenuhi jawatan yang kosong di dalam negara, melalui "Gerakan Operasi Isi Penuh" daripada cara biasa dan berapa lamakah yang dianggarkan pengambilan untuk semua peringkat jawatan ini akan selesai.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan No. 16 daripada Ahli Yang Berhormat dari Damansara dan soalan No. 27 daripada Ahli Yang Berhormat dari Bachok adalah berkaitan dengan soalan ini, maka jawapan kepada soalan ini akan juga meliputi soalan-soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan memanglah memberi perhatian yang berat ke atas keperluan untuk mengambil kakitangan Kerajaan yang berbilang bangsa, serta juga memberi peluang dan layanan yang sama kepada semua calon-calon yang memohon jawatan-jawatan Kerajaan. Walaupun begitu, soal menentukan supaya pengambilan kakitangan Kerajaan itu, mencerminkan komposisi berbilang kaum di negara ini adalah bergantung kepada beberapa faktor: pertamanya, kelulusan, kelayakan dan kesesuaian calon-calon yang ditemuduga; keduanya, komposisi kaum di kalangan calon-calon yang memohon itu sendiri. Umpamanya, mengikut pengalaman lepas, di dalam urusan pengambilan untuk kakitangan Kerajaan di dalam Kumpulan "D", hampir-hampir 80 atau 90 peratus dari jumlah pemohon-pemohon adalah terdiri dari satu kaum sahaja. Oleh itu, jikalau didapati juga di dalam Operasi ini, 80 peratus daripada calon-calon adalah terdiri daripada suatu kaum dan 20 peratus terdiri dari kaum-kaum yang lain, maka adakah bermakna

bahawa 40 peratus daripada jawatan-jawatan kosong dikhaskan kepada kaum yang pertama itu dan yang 60 peratus lagi jawatan yang lain diberi kepada kaum-kaum yang lain supaya mencerminkan komposisi kaum di negeri ini?

Dengan ini adalah jelas bahawa langkah memilih calon-calon supaya ianya mencerminkan komposisi kaum negara ini, bukanlah sahaja tidak praktik, tetapi juga akan menyimpang daripada prinsip dan peraturan pengambilan seperti yang diamalkan pada masa sekarang.

Juga, dapat dilihat dengan perkhidmatan awam mengandungi berbagai-bagai jenis jawatan, dan didapati bahawa di dalam setengah-setengah jenis jawatan seperti pentadbiran, perkeranian dan sebagainya, sebilangan besar daripada pemohon-pemohon adalah terdiri daripada satu kaum, pada hal di dalam jenis-jenis yang lain, terutama sekali dalam bidang professional, seperti kedokteran, kejuruteraan dan sebagainya, sejumlah besar daripada pemohon-pemohon adalah terdiri daripada kaum-kaum yang lain. Di dalam hal yang seperti ini, menentukan nisbah pengambilan supaya mencerminkan berbilang kaum di negara ini juga tidak munasabah, dan akan membangkitkan berbagai-bagai kesulitan, malahan juga tidak adil.

Mengenai soal bilangan pemohon-pemohon yang diterima mengikut pecahan kaum, ini tidak dapat ditentukan pada masa ini oleh kerana jumlah permohonan yang diterima oleh jabatan-jabatan di bawah Operasi ini telah meningkat lebih daripada satu juta. Jikalau jabatan-jabatan Kerajaan dikehendaki menumpukan perhatian mereka dalam mendaftarkan semua pemohon-pemohon ini mengikut kaum, maka ini akan mengambil masa yang panjang, dan Jabatan-jabatan Kerajaan terpaksa mengeneipkan segala langkah-langkah untuk mempercepatkan proses pengisian kekosongan ini. Langkah yang lebih penting dan lebih mendesak ialah memproses segala permohonan-permohonan, membuat penapisan calon-calon untuk ditemuduga, menjalankan urusan temuduga, dan memilih calon-calon yang berjaya, serta menawarkan jawatan kepada calon-calon yang berjaya itu dengan secepat mungkin.

Kenyataan di atas ini adalah juga jawapan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat dari Bachok, saya ingin menyatakan bahawa kebaikan (advantages) sistem Operasi Isi Penuh ini memanglah banyak. Tetapi memadailah jikalau saya menyatakan bahawa Operasi ini adalah urusan pengambilan secara besar-besaran, yang belum pernah dijalankan pada masa lepas, dan dengan secara ini sejumlah besar jawatan-jawatan kosong dalam Jabatan-jabatan Kerajaan dapat diisi dengan serentak dan di dalam masa yang singkat-singkatnya. Dijangka bahawa urusan pengambilan ini akan selesai pada penghujung tahun ini. Walaupun begitu, cara pengambilan kakitangan Kerajaan mengikut sistem Operasi Isi Penuh, akan diteruskan sehingga Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana urusan pengambilan di bawah Operasi ini melibatkan berbagai-bagai aspek yang rumit dan peraturan-peraturan perkhidmatan yang terperinci, maka adalah sukar bagi saya untuk memberi jawapan kepada soalan-soalan yang umum dengan jelas dan spesifik. Oleh yang demikian, sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai Operasi ini, maka pertimbangan boleh diberi untuk menguruskan suatu taklimat bagi faedah Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya ada dua soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata bahawa adalah sangat sukar untuk memberi pecahan angka mengikut kaum oleh kerana lebih kurang satu juta orang telah membuat permintaan. Tetapi, di sini saya suka bertanya sama ada Kerajaan bercadang apabila lepas temuduga, apabila Kerajaan hendak mengambil orang-orang untuk mengisikan jawatan-jawatan yang kosong, adakah Kerajaan bercadang bahawa pengambilan itu akan mencerminkan sebuah negara yang berbilang kaum?

Yang kedua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi satu jaminan dalam Dewan ini bahawa pengisian kekosongan di bawah "Operasi Isi Penuh" ini hanya dibuat atas asas merit dan sebarang nepotisma patut dihapuskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal yang pertama tadi sudah ada dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Soal yang kedua, sila!

**Perdana Menteri:** Mengenai soalan pertama, saya telah katakan bahawa Kerajaan memanglah memberi perhatian yang berat ke atas keperluan untuk mengambil kakitangan Kerajaan yang berbilang kaum serta memberi peluang dan layanan yang sama kepada semua calon-calon yang memohon jawatan Kerajaan.

Tentang soalan yang kedua, saya pun sudah jawab juga, iaitu, amatlah sukar untuk memberi penjelasan berkenaan perkara perjawatan kerana ianya sangat "complex" dan banyak sangat pecahan-pecahannya dan tidaklah boleh saya memberi satu jawapan yang tepat. Umpamanya, saya diberitahu sekurang-kurangnya ada 600 jenis jawatan dan skim perkhidmatan. Jadi dengan masa yang singkat tidaklah dapat saya memberi jawapan yang tepat dan memuaskan. Itulah sebabnya saya mengemukakan tadi, jika Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini hendak mengetahui lebih mendalam lagi mengenai perkara ini, bahawa kami boleh uruskan satu taklimat untuk Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga tahu bukan sahaja parti bangkang, bahkan parti Kerajaan pun tidak puas hati.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parti Bangkang lain—parti Pembangkang!

**Tuan V. David:** Minta maaf. Parti Pembangkang, parti Kerajaan dan juga parti-parti dalam Barisan Nasional tidak puas hati dalam pengambilan kakitangan berkhidmat dengan Kerajaan. Saya minta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bolehkah diberi jaminan dalam Dewan ini semua pihak berpuas hati, beri satu quota, system, beri 40% kepada keturunan Melayu, 36% kepada keturunan Cina dan 24% kepada keturunan India.

Soalan kedua, sampai sekarang ada kekosongan 42,000 dan kekosongan ini sudah berapa lama? Adakah baru tahun 1979 atau 1978 atau 1977 dan 1976. Kalau 42,000 kekosongan macam mana ada juga dalam tahun 1979, adakah Kerajaan simpan hingga tahun 1979 ataupun ini rancangan baru dalam Rancangan Malaysia Ketiga?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal yang pertama tadi pun sudah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri—berulang, yang mana kesukaran menentukan peratus mengikut perkauman di dalam satu-satu jawa'an. Kalau bahagian kedua itu Yang Amat Berhormat hendak jawab?

**Perdana Menteri:** Tentang soalan yang pertama, saya sudah menerangkan tentang kesukaran hendak menetapkan quota seperti itu. Mengenai soalan kedua, saya tidak berapa jelas maksudnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang kedua tadi adakah kekosongan 42,000 ini baru wujud tahun ini atau sudah berlanjutan beberapa tahun, begitulah.

**Perdana Menteri:** Tentang ini saya tak ada maklumatnya. Seperti yang saya katakan dalam taklimat itu nanti, pertanyaan seperti ini boleh dikemukakan untuk mendapat penjelasan daripada pegawai-pegawai yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat semua mengambil peluang daripada tawaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai taklimat ini.

## BELIA NIAGA DAN BELIA PELADANG

**8. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan jumlah peruntukan yang telah diberi kepada Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Perak untuk projek Belia Niaga dan Belia Peladang dan jumlah yang telah dibelanjakan oleh Jabatan ini setakat ini mengikut Daerah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, Peruntukan dan Perbelanjaan Rancangan Belia Berniaga dan Projek Belia Peladang Negeri Perak 1978-1979 adalah seperti berikut:

	Rancangan Belia Berniaga		Projek Belia Peladang	
	\$	c.	\$	c.
Peruntukan .. ..	270,000	00	310,000	00
Perbelanjaan .. ..	157,588	80	271,803	25
	(1978 hingga 3-9-79)		(1978 hingga 2-10-79)	

Perbelanjaan mengikut Daerah-daerah:

	Rancangan Belia Berniaga		Projek Belia Peladang	
	\$	c.	\$	c.
1. Hilir Perak .. ..	33,152	00	52,059	40
2. Batang Padang .. ..	3,324	00	22,536	00
3. Kinta .. ..	40,645	20	11,619	00
4. Kuala Kangsar .. ..	11,555	00	55,011	00
5. Dinding .. ..	5,345	00	64,151	30
6. Larut dan Matang .. ..	18,518	00	17,930	00
7. Krian .. ..	10,016	60	10,043	00
8. Ulu Perak .. ..	35,033	00	26,640	00
9. Perak Tengah .. ..	—		11,813	25
JUMLAH .. ..	157,588	80	271,803	25

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan peruntukan-peruntukan yang telah diberikan kepada belia-belia ini adalah melalui belia-belia perseorangan dan bukan melalui persatuan-persatuan belia, misalnya, 4B ataupun MAYC. Soalan saya kepada Yang Berhormat sama ada beliau bercadang di masa-masa akan datang untuk memberikan peruntukan-peruntukan belia niaga dan juga belia peladang ini kepada belia-belia menerusi persatuan-persatuan belia.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya kebanyakan rancangan dan projek ini adalah diurus ataupun dilaksanakan menerusi kumpulan belia-belia di dalam mana-mana satu negeri dan tidak dinafikan juga ada beberapa sahaja yang diberi langsung kepada kumpulan belia yang dianggap harus mendapat belaan ataupun harus diberi bantuan untuk mendapat rancangan dan projek-projek yang tertentu.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau saya dapat mendengar dengan betul sekejap tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa daripada peruntukan bagi Belia Niaga sebanyak \$270,000 daripada tahun 1978 hingga 1979 setakat ini hingga \$157,100 telah dibelanjakan, yakni masih lagi berbaki sebanyak kira-kira \$120,000. Saya ingin tahu adakah wang yang begitu sedikit sehinggakan tidak dapat dibelanjakan kerana tidak ada sambutan yang baik daripada belia sendiri ataupun dengan sebab-sebab kekurangan kakitangan.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, anggaran ini hanya diperuntukkan bagi negeri Perak—bukan semua. Tempat-tempat lain pun sama keadaannya seperti apa yang dialami oleh para kumpulan Belia Niaga dan Belia Peladang di negeri Perak, tetapi di tempat-tempat lain ada yang begitu maju dan di dalam negeri Perak sendiri pun ada beberapa tempat yang dianggap central dan kita kira dapat keuntungan yang baik juga daripada berbagai projek.

Sebagaimana yang saya jelaskan tadi kepada Yang Berhormat yang membawakan soalan ini iaitu hanya daripada tahun 1978 hingga 3hb September tahun ini dan yang lainnya itu ada beberapa bulan lagi dan kita harap negeri Perak dan juga para belia yang mengambil bahagian dalam rancangan ini akan menjalankan projek ini dan jikalau anggaran ini tidak mencukupi kita akan mempertimbangkannya lagi.

#### KEMPEN BAHASA INGGERIS

**9. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa kempen Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang dilancarkan oleh beliau untuk meningkatkan taraf bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar telah meruap begitu sahaja tanpa hasil yang baik dan nyatakan apakah tindakan segera yang sedang diambil untuk meningkatkan taraf bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang kini begitu rendah sekali sepertimana terbukti dengan hakikat hanya 40% murid-murid sekolah-sekolah kebangsaan lulus dalam bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima yang diadakan tahun lalu.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan dakwaan Yang Berhormat bahawa kempen Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah untuk meningkatkan taraf bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar telah pun meruap begitu sahaja tanpa hasil yang baik. Sebenarnya kempen bahasa Inggeris ini belum lagi selesai. Pihak Kementerian saya pada masa ini sedang meneliti segala maklumat balas (feed-back) dari Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri mengenai hasil kempen tersebut. Penelitian ini dibuat adalah untuk mencari dan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat.

Sungguhpun hanya 40% murid-murid sekolah-sekolah kebangsaan yang lulus dalam bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Penilaian Darjah 5 yang diadakan tahun lalu tetapi ianya tidak benar seperti dakwaan Yang Berhormat bahawa peratus ini merupakan satu pencapaian yang amat rendah sekali. Sebenarnya peratus itu adalah tanda-tanda di mana sekolah-sekolah kebangsaan sedang bertambah maju di dalam mata pelajaran ini jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu. Kita tidak boleh menyamakan taraf pencapaian bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kebangsaan hari ini di mana bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dengan taraf pencapaian bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah yang beraliran Inggeris dahulu. Kita perlu menyedari segala bentuk constraints yang dihadapi oleh sekolah hari ini di mana meninggikan taraf pencapaian bahasa Inggeris di sekolah-sekolah masing-masing. Dengan keadaan ini Kementerian saya telah berusaha untuk membantu sekolah-sekolah ini dengan membekalkan guru-guru yang terlatih di dalam pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa yang kedua.

Selain daripada itu, sukatan pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah sedang dikaji semula untuk disesuaikan dengan keperluan serta kebolehan murid-murid di peringkat sekolah rendah hari ini. Kementerian juga telah membekalkan sekolah-sekolah dengan buku-buku bacaan tambahan, namanya New Zealand Reader untuk menolong murid-murid mendapat pendedahan yang lebih dalam bahasa Inggeris melalui bacaan. Kementerian juga sedang berusaha menyediakan bahan-bahan kurikulum untuk digunakan oleh murid-murid yang mempunyai anikaragam singkat kebolehan mempelajari bahasa tersebut.

**Tuan V. David:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapa ramai guru-guru daripada England yang sampai ke Malaysia untuk mengajar bahasa Inggeris?

**Dato' Chan Siang Sun:** Ahli Yang Berhormat itu barangkali tidak membaca newspaper. Kita sudahpun membawa 200 orang guru bahasa Inggeris daripada Great Britain ke Malaysia dan barangkali batch yang pertama ini akan datang pada hujung tahun ini.

**Tuan Lim Cho Hock:** Tuan Yang di-Pertua, 200 guru-guru bahasa Inggeris dari Great Britain, adakah mereka mempunyai credit dalam Bahasa Malaysia? Kalau tidak, adakah mereka layak mengikut polisi education negara kita?

**Dato' Chan Siang Sun:** Guru-guru yang akan mengajar bahasa Inggeris ini mesti ada kredit dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris yang datang dari England.

**Dato' Chan Siang Sun:** Oh! Bahasa Malaysia—maaf. Ini bukan satu syarat mengajar bahasa Inggeris. Apabila mereka datang ke sini, kita akan berikan kursus-kursus orientasi kepada mereka supaya mereka lebih faham dalam Bahasa Malaysia.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdul'ah:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran mengatakan sukatan pelajaran bahasa Inggeris sekarang sedang dikaji. Saya ingin mengetahui adakah satu daripada sebab-sebab sukatan pelajaran bahasa Inggeris itu sedang dikaji ialah kerana terlampau tingginya sukatan pelajaran bahasa Inggeris itu kerana memandang kepada kelulusan yang tidak begitu memberi puashati yang kita dapati tahun demi tahun.

**Dato' Chan Siang Sun:** Kajian ini telah dibuat untuk menyesuaikan dengan keperluan masa sekarang.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya bila kita menghadapi dengan sesuatu pelajaran dan pengajaran maka soal peratus kelulusan selalu dipersoalkan. Jadi, di dalam pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kebangsaan ini, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan adakah soal peratus lulus yang kita pentingkan atau soal-soal yang lain daripada itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal yang lain itu seperti apa? Jadi, senang Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Seperti anak-anak kita dapat membaca, menulis dan memahami dalam bahasa Inggeris.

**Dato' Chan Siang Sun:** Ini semua penting.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa kempen ini belum lagi dapat Kerajaan memastikan sama ada ia membawa hasil yang baik. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sama ada kempen seumpama ini juga dilancarkan dalam Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil. Jika sekiranya kempen ini ada dilancarkan di sekolah-sekolah ini maka saya ingin tahu apakah jenis kempen yang dijalankan di Sekolah-sekolah Rendah China dan Tamil.

Yang kedua, dalam pengambilan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang sangat soalan ini. Biar soalan ini dahulu.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, tujuan mengadakan kempen ini ialah untuk memberikan kesedaran atau memberi keinsafan kepada guru-guru ibubapa khususnya kepada murid-murid sekalian supaya dapat menyedari bahawa bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang sangat mustahak untuk berbagai bidang. Jadi dengan kempen ini kita adalah meliputi semua sekolah-sekolah, sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Saya sendiri pun ada menghadiri beberapa program dalam kempen ini dan juga akan memberikan banyak hadiah untuk menggalakkan mereka supaya dapat menggerakkan lagi dalam kempen ini.

Jadi aktiviti-aktiviti itu adalah banyak. Dan saya tidak ingin membuang masa Dewan yang mulia ini tetapi ada dikategoraiskan di dalam senarai jawapan saya. Jika Ahli Yang Berhormat hendak tahu, saya boleh berikan kepada Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa salah satu jalan yang paling berkesan untuk membangkitkan kesedaran berkenaan bagi membolehkan murid-murid kita menguasai bahasa Inggeris ialah membaiki dan mengkaji semula sistem pelajaran yang ada hari ini kerana sistem pelajaran yang ada hari ini mengakibatkan kemerosotan standard bahasa Inggeris di Malaysia, baik di peringkat menengah atau di universiti?

**Dato' Chan Siang Sun:** Kajian ini tentulah telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Kabinet. Laporan ini belum keluar lagi, saya berharap beliau bersabarlah.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Berhormat boleh beritahu Dewan ini bila akan keluar, sudah sabar selama 6 bulan bilakah akan dikeluarkan laporan itu?

**Dato' Chan Siang Sun:** Akan dikeluarkan.

**Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa oleh kerana dasar pelajaran kita yang begitu adil dan saksama, oleh kerana dasar Kerajaan kita hendak memberikan peluang kepada murid bukan Melayu untuk dapat menguasai Bahasa Malaysia sehingga kita banyak menggunakan Bahasa Malaysia dalam mata-pelajaran di sekolah sehingga pelajar-pelajar Bumiputra atau Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar yang tidak dapat mengambil guru-guru untuk "tuition" untuk mengajar bahasa Inggeris, mereka itu ketinggalan. Tetapi hari ini pelajar-pelajar kita di bandar mendapat kelulusan yang baik dalam Bahasa Malaysia. Jadi, bermakna bahawa bukanlah dasar ataupun sistem pelajaran kita tidak baik tetapi oleh kerana dasar dan sistem pelajaran kita ini terlampau adil . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahannya apa? Kalau di hujung tadi soalnya: adakah Yang Berhormat Menteri sedar . . . . .

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Soalnya sama ada dasar pelajaran kita terlampau adil?

**Dato' Chan Siang Sun:** Terlampau adil (*Ketawa*).

#### MINYAK DIESEL TANAH— KEKURANGAN

10. **Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mendirikan steyen-stesyen Pet onas di Sabah dan Sarawak untuk mengatasi kekurangan bekalan minyak disel dan minyak tanah walaupun harganya telah berkali-kali dinaikkan dan jika ya, sila beri butir-butir lanjut.

14. **Tuan Aliuddin Pengiran Haji Mohd. Tahir** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kesulitan yang dihadapi oleh pengguna-pengguna kereta dan orangramai di

Negeri Sabah untuk mendapatkan bekalan minyak disel dan minyak tanah, adakah pihak PETRONAS bercadang mengadakan stesyen pembekal minyak di bandar-bandar besar di negeri itu selain daripada stesyen-stesyen pembekal minyak swasta yang ada sekarang, yang mana tidak dapat menampung keperluan orang ramai.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan ini dan juga soalan No. 14 daripada Ahli Yang Berhormat dari Kimanis, Sabah.

Kerajaan memang bercadang untuk mengadakan stesyen-stesyen "skid tank" bagi disel dan minyak tanah di Sabah dan Sarawak. PETRONAS sedang berunding dengan kedua-dua Kerajaan Negeri itu untuk mendapatkan tapak-tapak yang sesuai bagi stesyen-stesyen tersebut. Sementara PETRONAS telah membuat perjanjian dengan syarikat-syarikat minyak di kedua-dua negeri itu untuk menyediakan bekalan disel dan minyak tanah yang mencukupi untuk mengalakkan kekurangan.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selama 3 bulan ini ada juga shortage of diesel di seluruh tanahair kita, ada juga janji daripada Kerajaan disel boleh dapati di seluruh kiosk di Malaysia tetapi sampai sekarang perkara ini belum selesai. Bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu dalam Dewan ini mengapa shortage of diesel? PETRONAS ada cadangan boleh membaiki perkara ini yang disel boleh dapati di tiap-tiap kiosk dalam tanahair kita, tetapi sampai sekarang nampaknya perkara ini tidak selesai. Ada juga berita akhbar membuat ulasan perkara ini boleh selesai tetapi tidak selesai (*Ketawa*). Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jaminan berapa lama hendak tunggu untuk menyelesaikan perkara disel dalam Malaysia. Adakah . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah soalnya panjang sangat macam kencing di papan. (*Ketawa*).

**Tuan V. David:** Adakah satu sabotaj ekonomi dalam negara kita? Barangkali ada, perkara ini hendaklah diperiksa dan disiasat. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beri jaminan dalam Dewan ini dalam masa berapa lama lagi disel boleh dapati dalam negara kita?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini lari sedikit daripada soalan yang di hadapan kita. Sungguhpun demikian, saya rasa soal ini telah dijawab oleh saya ketika saya menjawab soal berkenaan dengan pembekalan disel bagi Semenanjung Malaysia.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar tentang satu laporan yang dihantar oleh DAP dari Sarawak dan satu telegram telah dihantar kepada Timbalan Perdana Menteri mengenai masalah yang sangat serius dihadapi oleh seluruh rakyat Sarawak mengenai kekurangan minyak tanah di mana rakyat berbaris berjam-jam hanya untuk membeli 4 gelen sahaja seorang, maka bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini apakah tindakan emergency akan diambil oleh Kerajaan untuk membolehkan rakyat Sarawak mendapat bekalan minyak tanah yang mencukupi supaya mereka boleh dilepaskan daripada mengalami berbagai masalah sosio-ekonomi?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, seperti jawapan yang saya beri tadi, kita berikhtiar mengurangkan kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Sarawak berkenaan dengan PETRONAS mengadakan bekalan minyak disel dan minyak tanah yang mencukupi.

**Tuan P. Patto:** Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa rundingan sedang diadakan di antara PETRONAS dengan Kerajaan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak untuk mendirikan stesyen-stesyen PETRONAS untuk membekalkan minyak disel dan minyak tanah. Saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apakah stesyen-stesyen PETRONAS didirikan di Sabah dan Sarawak adakah harga yang akan dikenakan untuk segelen disel dan minyak tanah itu berbeza atau kurang daripada yang dibayar oleh pengguna-pengguna di Sarawak dan di Sabah sekarang ataupun ia sama dengan harga yang dibayar iaitu harga yang berbeza-beza di dalam satu-satu negeri di Sarawak dan di Sabah?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan tambahan itu dengan tepat. Ini adalah mengikut keadaan-keadaan di Semenanjung dan juga

keadaan-keadaan di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, memanglah kita akan berikhtiar mengadakan harga yang berpatutan.

### **JALANRAYA LAWAS, LONG SUKANG, LONG SAMADOH DAN BA KELALAN**

**11. Tuan Racha Umong** minta Menteri Keraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang membina sebatang jalanraya yang menghubungi Lawas dengan Long Sukang, Long Semadoh dan Ba Kelalan bagi memudahkan pengangkutan barang-barang keperluan kepada syarikat-syarikat kerjasama di tempat-tempat tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Keraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, sukacita saya menerangkan bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membina seberapa banyak jalanraya di dalam negeri Sarawak.

Bagaimanapun, sebelum jalanraya yang menghubungkan Lawas dan Long Sukang, Long Samadoh dan Ba Kelalan diluluskan, satu kajian perlu dijalankan untuk menentukan faedahnya dari segi ekonomi, sosial dan lain-lain faktor. Berdasarkan kepada kajian itu Kerajaan akan menentukan sama ada rancangan akan diberikan keutamaan untuk membina jalanraya berkenaan.

**Tuan Racha Umong:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu, bilakah kajian itu dijalankan?

**Tuan William Lye Chee Hien:** Tuan Yang di-Pertua, kajian ini belum lagi dimulakan, tetapi sudah dalam senarai kajian juga.

### **MINYAK MENTAH DAN GAS— HASIL PENDAPATAN**

**12. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan daripada pengeluaran minyak tempatan, bahagian yang diperolehi oleh PETRONAS dan pendapatan yang diperolehi akibat cukai eksais ke atas bahan-bahan petrol untuk tahun yang lalu dan beberapa banyak daripada hasil ini digunakan untuk penjualan disel dan minyak tanah kepada rakyat.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, hasil pendapatan yang telah diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan dari minyak mentah dan gas keluaran tempatan bagi tahun 1978 yang lalu ialah sebanyak \$887 juta, iaitu \$771 juta dari cukai pendapatan dan \$116 juta dari hasil royalti. Mengenai bahagian yang telah diperolehi oleh PETRONAS pula, pada tahun yang tersebut ianya telah menerima keuntungan selepas cukai sebanyak lebih kurang \$670 juta. Sementara itu jumlah cukai-cukai eksais ke atas barang-barang petrol yang telah diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan dalam tahun yang sama ialah sebanyak \$390 juta.

Bagi menjawab Bahagian kedua soalan ini, sukalah saya menerangkan bahawa seperti lain-lain perbelanjaan Kerajaan, perbelanjaan untuk subsidi ke atas disel dan minyak tanah adalah dikeluarkan Akaun yang Disatukan (Consolidated Account). Ini bererti subsidi yang diberikan ke atas disel dan minyak tanah subsidi yang berjumlah \$37 juta dan di jangka bertambah kepada \$174 juta pada tahun ini bukanlah berpunca dari hasil petrol sahaja tetapi juga adalah dari hasil-hasil lain Kerajaan yang telah diambil daripada Consolidated Account itu tadi.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar hasil yang diambil oleh Kerajaan daripada minyak mentah tempatan dan eksais yang lain berjumlah lebih kurang \$1,000 juta atau hampir \$1,000 juta subsidi dan jumlah sebanyak \$1,100 juta ini adalah untuk Kerajaan sebagai total.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** \$180 juta.

**Dr Chen Man Hin:** Dan kalau additional campur dengan lain-lain eksais-eksais sebanyak \$300 juta lebih?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Saya terangkan tadi \$887 juta jumlahnya terdiri daripada \$771 juta daripada cukai pendapatan dan \$116 juta daripada royalti.

**Dr Chen Man Hin:** Dan kita dengar subsidi untuk disel dan untuk minyak tanah ialah \$100 juta lebih. Apakah sebabnya Kerajaan tidak ada memberi lebih subsidi untuk disel dan untuk minyak tanah, sebab ini boleh menolong penduduk-penduduk di kampung,

kalaupun subsidi kurang, penduduk-penduduk di kampung sangat susah, kerana pada masa sekarang inflasi merupakan satu problem atau satu keadaan yang sangat hebat.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, angka ini telah dikira, ditimbang dengan mendalam oleh pihak Kerajaan dan didapati angka seperti ini atau subsidi dalam paras ini adalah memadai dalam keadaan yang ada sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 13 hingga 27 adalah diberi di bawah ini).*

## MAS—TAMBANG KAPALTERBANG

**1. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa denda yang dikenakan oleh MAS sebanyak 25% dari tambang kapal terbang terhadap penumpang-penumpang yang membatalkan ataupun yang ketinggalan penerbangan telah merupakan beban kewangan yang besar kepada penumpang-penumpang yang datangnya dari berbagai-bagai bahagian Sabah yang masih belum mempunyai jalanraya-jalanraya yang baik sepertimana yang terdapat di Semenanjung Malaysia terutama sekali di musim hujan apabila kenderaan terkandas di jalan-jalan berlumpur yang mana menyebabkan penumpang-penumpang itu lewat sampai ke lapangan terbang. Jika ya, sama ada beliau akan mengkaji semula peraturan ini untuk mengecualikan rakyat Sabah daripada bayaran tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teck):** Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum pada masa-masa yang lepas Kementerian ini kerap kali menerima teguran baik dari luar mahupun di dalam Parlimen yang mulia ini berhubung dengan tempahan-tempahan yang dibuat kepada MAS. Di antaranya penumpang-penumpang yang membuat tempahan bagi sesuatu penerbangan itu kadangkala telah diberitahu bahawa tempahan telah penuh. Tetapi apabila penerbangan dibuat terdapat tempat-tempat yang masih kosong. Keadaan ini bukan sahaja akan merugikan MAS tetapi juga penumpang-penumpang yang perlu

mendapat tempat di dalam sesebuah penerbangan itu tidak mendapat tempat. Demikian juga terdapat teguran-teguran yang telah dibuat kepada Kementerian ini pada masa-masa yang lalu mengapa pihak MAS tidak mengambil tindakan mendenda penumpang-penumpang yang telah menempah tempat bagi sesuatu penerbangan tetapi tidak menunaikannya. Bersabit dengan masalah ini pihak MAS telah membuat penelitian yang halus.

Saya memang sedar bahawa mana-mana peraturan yang mengenakan denda akan membebaskan mereka yang terlibat, dan ini termasuklah denda yang dikenakan oleh MAS sebanyak 25% dari tambang kapal terbang terhadap penumpang-penumpang yang tidak hadir menjalankan penerbangan pada masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun peraturan mengenakan denda itu perlu diadakan untuk mengelakkan kejadian di masa-masa yang lepas di mana ramai penumpang yang benar-benar hendak membuat penerbangan tidak dapat berbuat demikian oleh sebab ramai di antara penumpang-penumpang telah membuat tempahan tetapi kemudiannya tidak menghadirkan diri apakala penerbangan hendak dijalankan. Dengan perkataan lain, tujuan peraturan ini ialah untuk mengelakkan penempahan yang tidak bertanggungjawab.

Adalah sukar bagi MAS untuk mentadbirkan berkenaan dengan sebab-sebab yang diberi oleh penumpang-penumpang apabila mereka membatalkan ataupun tidak hadir bagi sesuatu penerbangan itu oleh kerana penyiasatan yang teliti perlu diadakan untuk menentukan sama ada alasan-alasan yang diberikan itu benar ataupun tidak. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat penerbangan termasuk MAS telah menetapkan iaitu sekiranya mereka membatalkan penerbangan dalam masa 24 jam sebelum penerbangan diadakan ataupun tidak hadir maka denda akan dikenakan dengan tidak mengambilkira sebab-sebab mereka tidak hadir ataupun pembatalan itu dibuat.

Pihak MAS telahpun mengkaji perkara ini dengan halus dan bagi masa ini akan terus menjalankan peraturan yang ditetapkan itu oleh kerana peraturan itu dijalankan juga oleh syarikat-syarikat penerbangan yang lain.

### PENERBANGAN TAMBANG MURAH OLEH KERAJAAN AUSTRALIA

13. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Malaysia dan juga sekutu ASEAN, terhadap Kerajaan Australia yang mengumumkan tambang murah bagi Syarikat Penerbangannya.

**Dr Goh Cheng Teik:** Perkara mengenai tambang murah yang diadakan oleh Kerajaan Australia itu telah menjadi issue bagi perbincangan di antara negara-negara ASEAN dengan negara Australia semenjak akhir tahun 1978. Beberapa mesyuarat telah diadakan di antara kedua-dua pihak itu di peringkat pegawai dan juga di peringkat Menteri.

Dalam mesyuarat di peringkat pegawai pada 2hb-7hb Mei 1979 di Kuala Lumpur, satu "package settlement" telah tercapai mengenai cadangan tambang murah ini. Package settlement ini mempunyai elemen yang pentingnya seperti berikut:

- (i) kedua-dua pihak bersetuju mengadakan tambang murah di antara negara-negara ASEAN dan Australia;
- (ii) pihak Australia membenarkan negara-negara ASEAN mengambil bahagian secara terhad dalam penerbangan penumpang di antara Australia dengan negara-negara Eropah. Had ini ialah bahawa syarikat-syarikat penerbangan ASEAN mengambil penumpang-penumpang Australia tidak melebihi daripada 350 penumpang satu hala seminggu;
- (iii) pihak Australia membenarkan negara-negara ASEAN mengambil bahagian secara tidak terhad bagi penumpang-penumpang yang hendak melawat ke negara-negara Eropah dengan syarat penumpang-penumpang ini singgah (stopover) di negara-negara ASEAN terlebih dahulu atau singgah ketika dalam perjalanan pulang. Tambang bagi penumpang-penumpang ini ialah dinaikkan sebanyak A\$150 bagi singgahan tersebut.

Package Settlement itu telah diterima oleh mesyuarat Menteri Ekonomi ASEAN yang diadakan di Manila pada 7hb-8hb September 1979 untuk dilaksanakan dengan serta merta setelah beberapa masalah mengenai soal muatan (capacity) dan cara-cara penjualan

tiket telah diselesaikan. Bagi maksud ini satu mesyuarat di antara pegawai-pegawai ASEAN dan Australia akan diadakan di Canberra pada 22hb-24hb Oktober, 1979.

### KAPALPERANG "MINSK" MELALUI SELAT MELAKA

15. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini kapalperang bernama "Minsk" yang dipunyai oleh Rusia telah melalui Selat Melaka dalam perjalanannya ke Vietnam dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil oleh Malaysia dan Indonesia mengenai perkara ini oleh kerana ia akan membangkitkan semangat keperwiraan kepada Vietnam selepas melihat Rusia membawa armadanya melalui Selat Melaka sementara negara-negara ASEAN hanya berdiam diri sahaja.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia, sebagai salah sebuah negara berpantai yang bersempadankan sebuah selat yang terpenting di dunia iaitu Selat Melaka telah mengambil pendirian tegas di Persidangan Undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu untuk memastikan rejim "innocent passage" dipergunakan di kawasan perairan negara tanpa mengira sama ada perairan itu adalah sebahagian dari selat yang digunakan untuk pelayaran antarabangsa.

Pendirian kita terhadap rejim di atas walau bagaimanapun telah menghadapi tentangan yang hebat dari negara-negara perkapalan yang penting. Akhirnya satu rejim yang berasingan telah digubal bagi selat-selat yang digunakan untuk pelayaran antarabangsa dalam draf teks convention yang dipanggil rejim "transit passage". Rejim ini tidaklah memuaskan sepenuhnya pihak Malaysia. Walau bagaimanapun, sebagai sebahagian daripada "package deal" yang telah dipersetujui dengan kuasa-kuasa besar perkapalan berkenaan dengan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan Selat Melaka, Malaysia telah bersedia menerima rejim ini di dalam Konvensyen Undang-undang Laut. Penerimaan kita akan rejim ini adalah bergantung kepada kualifikasi bahawa convention itu mengandungi provisi yang akan membolehkan kita membuat undang-undang dan peraturan-peraturan untuk menjaga keselamatan negara, memastikan keselamatan

pelayaran di Selat Melaka dan mengawal alam sekitar. Persidangan Undang-undang Laut belum lagi tamat. Penerimaan kita yang muktamat terhadap deraf konvensyen itu akan bergantung kuat di antaranya kepada penyelesaian yang memuaskan tentang perkara-perkara di atas.

Rejim "transit passage" yang terkandung dalam deraf teks convention sekarang ini tidak menyebut mengenai pelayaran kapal-kapal perang asing melalui selat yang digunakan untuk pelayaran antarabangsa. Ini bermakna kapal-kapal perang boleh menggunakan Selat Melaka. Walau bagaimanapun, rejim itu juga menyebut iaitu kapal-kapal yang menggunakan selat ini mempunyai tanggungjawab untuk antara lainnya belayar dengan tidak bertanggung, iaitu pelayaran mestilah berterusan dan akan menghindarkan daripada melakukan sebarang ancaman atau menggunakan kekerasan ke atas kedaulatan, keluhuran wilayah atau kebebasan politikal negara-negara yang bersempadankan selat, atau apa-apa cara pun yang bertentangan dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

Pelayaran kapal perang Soviet "Minsk" dilakukan berasaskan kepada rejim "transit passage" walaupun kita sedar bahawa konvensyen undang-undang laut masih lagi belum dikuatkuasakan. Kita puashati bahawa kapal tersebut belayar dengan cara berterusan.

Saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sentiasa mengawasi dan berhati-hati akan pelayaran-pelayaran yang dibuat oleh kapal-kapal asing termasuk kapal-kapal perang melalui Selat Melaka.

#### KEMALANGAN PEKERJA-PEKERJA

17. **Datuk Stephen R. Evans** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa langkah-langkah keselamatan tidak diambil oleh majikan ke atas pekerja-pekerjanya untuk menghindarkan kemalangan yang mungkin berlaku di kebanyakan industri-industri balak di Sabah terutamanya di Keningau, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap amalan seperti ini.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hum):** Saya sedar bahawa setengah-setengah majikan di dalam industri membalak di Sabah tidak mengambil lang-

kah-langkah keselamatan yang memuaskan untuk melindungi pekerja-pekerja mereka dari kemalangan yang mungkin berlaku. Keselamatan dan kesihatan pekerja adalah di bawah lindungan Akta Kilang dan Jentera, 1967 tetapi malangnya perusahaan membalak tidak termasuk dalam Akta tersebut. Kementerian saya sedang membuat kajian dalam hal ini untuk mencari cara-cara untuk memberi perlindungan pekerja-pekerja di industri membalak di Sabah dari kemalangan.

#### BANK RAKYAT—BAYARAN BALIK \$82,500 DARI UMNO SELANGOR

18. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan Bank Rakyat telah ambil untuk mendapatkan balik \$82,500 yang telah dibayar dengan setidak patutnya kepada UMNO Selangor sebagai faedah tambahan 1/2 peratus atas deposit tetap berjumlah \$26.5 juta yang disimpan di cawangan Bank Rakyat Kuala Lumpur oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam tahun 1974.

**Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):** Tindakan telah dimulakan oleh Bank Rakyat untuk mendapatkan balik wang sejumlah \$82,500 itu dari UMNO Selangor.

#### LAPORAN ROMBONGAN AMNESTY INTERNATIONAL KE MALAYSIA

19. **Tuan Peter Paul Dason** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan telah menerima satu laporan daripada Gabungan Amnesty International mengenai hak-hak manusia di Malaysia yang mana laporan tersebut meliputi pencabulan hak-hak sivil di Malaysia; jika ya, sama ada Kerajaan akan menimbang menerima sebelas perakuan-perakuan yang dibuat oleh gabungan tersebut termasuk pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan pembebasan semua tahanan-tahanan politik.

**Perdana Menteri:** Kalau laporan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah "Laporan Rombongan Amnesty International Ke-Malaysia 18-30 November, 1978", saya telah menerima deraf laporan itu daripada Setiausaha Agung pertubuhan itu.

Mengenai soalan sama ada Kerajaan akan menimbang menerima perakuan-perakuan yang dibuat, saya hendak menjelaskan bahawa:

- (a) Kerajaan tidak bercadang hendak memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.
- (b) Orang-orang yang ditahan di bawah Akta itu bukanlah tahanan politik tetapi ditahan kerana kesalahan yang dilakukan di bawah Akta itu.
- (c) Orang-orang itu hanya akan dibebaskan mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh undang-undang.

Mengenai perakuan-perakuan yang lain, Kerajaan telah mengambil ingatan dan mana yang menasabah akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

### LADANG GETAH DI MALAYSIA

**20. Tuan V. David** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah benar bahawa keluasan ekar ladang getah di Malaysia telah menurun menjadi 4.2 juta ekar tahun lalu dari keluasan 4.35 juta ekar dalam tahun 1977 dan bahawa 35% dari eksport 1965 Malaysia jatuh menjadi 22% dalam tahun 1977. Bolehkah Menteri menjelaskan sebab-sebab berlaku penurunan kadar eksport itu dan adakah Malaysia beransur-ansur hilang reputasinya sebagai pengeksport utama getah asli di dalam dunia.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Keluasan ladang getah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara adalah tidak benar, kerana kawasan yang sebenar ialah seluas 1.457 juta ekar dalam tahun 1977 dan seluas 1.452 juta ekar dalam tahun 1978. Jumlah keluasan tanah getah di Malaysia seluruhnya termasuk ladang getah dan kebun kecil ialah 4.99 juta ekar dalam tahun 1977 dan 5.03 juta ekar dalam tahun 1978. Begitu juga halnya dengan peratus eksport getah dibandingkan dengan jumlah nilai eksport Malaysia yang sebenarnya, dalam tahun 1965 ialah sebanyak 38.7% dan bukannya 35%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merosotnya peratusan eksport getah dari jumlah nilai eksport Malaysia, dari 38.7% dalam tahun 1965 kepada 22.6% dalam

tahun 1977, adalah berikutan dari bertambahnya eksport lain-lain barang keluaran Malaysia seperti kelapa sawit, minyak petrol, hasil-hasil perhutanan dan barang-barang perkilangan. Ini adalah akibat dari dasar mempelbagaikan tanaman dan perindustrian yang telah dilancarkan oleh Kerajaan sejak tahun 1960, untuk mengelakkan daripada ekonomi Malaysia terlalu bergantung semata-mata kepada perusahaan getah. Merosotnya peratus eksport getah dari nilai eksport Malaysia membuktikan kejayaan Malaysia dalam dasar mempelbagaikan tanaman dan perindustriannya.

Bagi mendapatkan gambaran mengenai prestasi perusahaan getah, perlulah dilihat prestasi eksport itu sendiri. Jumlah eksport getah Malaysia sebenarnya telah meningkat dari 965,900 tan dalam tahun 1965 kepada 1,654,300 tan dalam tahun 1977 iaitu tambahan purata sebanyak 5.94% setahun. Nilai eksport getah asli juga meningkat dari \$1,461,800 dalam tahun 1965 kepada \$3,379,400 dalam tahun 1977. Perlulah dijelaskan di sini, sejak tahun 1965, Malaysia telah muncul sebagai negara pengeluar getah asli yang terbesar di dunia dan terus mengekalkan kedudukannya ini sehingga sekarang. Dalam tahun 1978, Malaysia mengeksport 48.4% daripada jumlah eksport getah asli dunia atau mengeluarkan 43.4% daripada pengeluar getah asli dunia. Ini berbanding dengan tahun 1965 di mana Malaysia cuma mengeksport 41.8% daripada jumlah eksport getah asli dunia dan mengeluarkan 39% daripada pengeluaran getah asli dunia. Ini bermakna Malaysia telah memperkukuhkan lagi kedudukannya sebagai negara pengeksport dan pengeluar getah asli semenjak tahun 1965 lagi.

Menerusi usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan, saya yakin Malaysia akan terus dapat mengekalkan kedudukannya sebagai pengeksport utama getah asli dalam pasaran dunia. Malahan reputasi Malaysia sebagai pengeksport getah asli dunia terus diperlihatkan oleh negara ini dalam perundingan-perundingan untuk memperluaskan lagi perjanjian Antarabangsa mengenai pengstabilan getah asli serta peranannya dalam Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pengeluaran Dinamik bagi Getah Asli yang mana kertas kerjanya akan dikemukakan untuk pertimbangan Jumaah Menteri tidak berapa lama lagi merupakan langkah yang positif yang

diambil oleh Kementerian saya untuk mengekalkan kedudukan ini. Di samping itu usaha-usaha Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri mengenai dasar pertanian negara juga menunjukkan bahawa kita adalah ber-sungguh-sungguh untuk memajukan per-usahaan pertanian termasuk getah asli.

### TENTERA RUSSIA DI VIETNAM

**21. Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada lawatannya ke Russia berhasil dari segi ekonomi dan politik dan sama ada apa-apa percubaan telah dibuat untuk memujuk Russia menarik balik tenteranya yang berada di Vietnam sekarang.

**Perdana Menteri:** Bahagian pertama soalan ini sama maksudnya dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Dungun yang telah saya jawab pada 11hb Oktober lalu. Berkenaan dengan bahagian kedua soalan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya tidak mengetahui tentang adanya tentera Russia di-Vietnam.

### PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN BERKECUALI DI CUBA

**22. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa beliau atau Timbalannya tidak sanggup menghadiri Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Commonwealth di Lusaka dan juga Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Berkecuali di Havana Cuba, dan nyatakan apakah peranan yang telah dimainkan oleh Kerajaan kita menerusi Menteri Luar kita dalam kedua-dua Per-sidangan tersebut.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Y.A.B. Perdana Menteri memang telah bercadang bagi menghadiri Persidangan Commonwealth di Lusaka dan Persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali di Havana dan persiapan awal telah dibuat bagi kehadiran beliau di kedua-dua persidangan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kembalinya dari lawatan rasmi ke Republik Korea, Y.A.B. Perdana Menteri telah menghadapi demam flu dan telah dinasihatkan oleh doktor supaya berihat dan tidak membuat perjalanan yang jauh. Oleh hal yang demikian, Y.A.B. Perdana Menteri telah tidak dapat menghadiri kedua-dua per-

sidangan tersebut. Y.A.B. Perdana Menteri telah diwakili oleh Y.B. Menteri Luar Negeri di kedua-dua persidangan tersebut. Kehadiran beliau di Lusaka dan Havana adalah sesuai dengan portfolio yang dipertang-gungjawabkan ke atasnya.

Pihak Malaysia telah memainkan peranan yang membina di dalam kedua-dua Per-sidangan tersebut. Di Lusaka, Malaysia telah bersama-sama meminta Ketua Setiausaha Commonwealth menubuhkan satu kumpulan pakar untuk membuat kajian yang mendalam mengenai faktor-faktor yang menyekat kemajuan ekonomi di negara-negara maju dan negara-negara yang membangun agar dapat memesatkan usaha-usaha ke arah tercapainya satu sistem ekonomi antarabangsa yang lebih adil.

Di Havana, khususnya Malaysia adalah di antara negara-negara sederhana yang telah memainkan peranan yang terkemuka mem-pertahankan prinsip-prinsip asas pergerakan Negara-negara Berkecuali.

### ELAUN GURU-GURU KELAS PERPADUAN RAKYAT

**23. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk menim-bangkan kenaikan elaun kepada guru-guru Kelas Perpaduan Rakyat.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamad bin Nasir):** Ya. Perkara ini adalah dalam pertimbangan Kerajaan dan sedang dikaji sewajarnya.

### MINYAK DIESEL KE THAILAND—BEKALAN

**24. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Per-dagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa Kerajaan telah membekalkan Thai-land dengan minyak disel sedangkan terdapat kekurangan minyak disel yang teruk di negara kita, dan berdasarkan kepada pertimbangan apakah keputusan untuk menjual disel ke-pada Thailand dibuat.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Per-industrian (Dato' Lew Sip Hon):** Kerajaan tidak membekalkan minyak disel kepada Negeri Thai. Sebaliknya Kerajaan telah membekalkan minyak mentah ke negeri itu kerana pada masa itu Negeri Thai sedang

mengalami kekurangan bekalan yang kritikal. Kuantiti yang dibekalkan adalah 10,000 tan sahaja dan dijual pula mengikut harga pasaran pada masa itu.

Keputusan membekalkan minyak kepada Negeri Thai adalah berasaskan semangat kerjasama di antara negeri-negeri ASEAN. Negeri Thai juga adalah jiran baik kita. Pada tahun 1973-1974 apabila Malaysia mengalami kekurangan beras, Negeri Thailand yang menolong kita.

### **PENDEKATAN ISLAM**

**25. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menggunakan "pendekatan Islam" sebagai jalan penyelesaian bagi mengatasi segala masalah masyarakat majmuk di Malaysia hari ini; jika tidak mengapa.

**Dato' Haji Mohamed b'n Nasir:** Kerajaan telahpun menjalankan berbagai usaha untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat dari berbilang kaum di negara ini, misalnya, Dasar Ekonomi Baru yang telah dirangkakan bagi mencapai perpaduan negara melalui kedua-dua matlamatnya iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat.

Selain daripada itu Kerajaan telah juga melancarkan Dasar Pelajaran Kebangsaan, Rukun Tetangga dan lain-lain rancangan Lembaga Perpaduan Negara yang kesemuanya adalah bertujuan bagi menyatu-padukan rakyat Malaysia dalam mana usaha-usaha ini adalah selaras dengan Rukunegara.

Oleh itu, Kerajaan berpendapat pendekatan yang telah dan sedang dijalankan itu adalah memadai dan sesuai dengan keadaan masyarakat di negara ini dan sesuai juga dengan pendekatan secara agama Islam.

### **WANG BANTUAN BAGI KEMAJUAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU**

**26. Dr Tan Tiong Hong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa banyak wang telah dibelanjakan bagi Kemajuan Kampung-kampung baru sejak tahun 1974.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Neo Yee Pan):** Semenjak tahun

1974 hingga September, 1978, wang bantuan dari Kementerian ini berjumlah \$21.6 juta telah dibelanjakan bagi Kemajuan Kampung-kampung baru dan Kampung persekitarannya.

## **USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN**

### **AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 1979**

4.15 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, menurut Peraturan Mesyuarat 49(1), mengizinkan Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye mengemukakan satu Rang Undang-undang dari Ahli Persendirian yang bernama Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979 untuk meminda Seksyen 31 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi mengembalikan kepada seseorang pekerja yang tercedera hak untuk memilih di antara mendakwa majikan kerana kecuaiannya di bawah Common Law atau membawa tuntutannya di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Akta Keselamatan Sosial Pekerja diadakan dalam tahun 1969 hanya di dalam bulan Disember tahun lalu barulah Kerajaan mengemukakan beberapa pindaan kepada Akta ini untuk membolehkan Sekim Keselamatan Sosial ditadbirkan dan dijalankan oleh satu institusi yang berotonomi dan bagi memperbaiki lagi faedah-faedah yang dibayar di bawah Akta itu.

Apabila mengemukakan Rang Undang-undang pindaan pada masa itu Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah memberi satu jaminan bahawa Kerajaan akan terus menilai operasi Akta ini dan akan mengadakan pembaikan-pembaikan yang selanjutnya bila diperlukan bagi menentukan perjalanan licin Sekim Keselamatan Sosial ini. Maka di dalam semangat inilah saya ingin mencadangkan dan mengemukakan Rang Undang-undang Ahli Persendirian ini bagi pertimbangan dan kegunaan Kerajaan.

Semasa Kerajaan mengemukakan berbagai pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja tahun 1969 pada bulan Disember tahun lalu adalah sangat malang kerana Kerajaan tidak memberi perhatiannya kepada Seksyen 31 Akta itu yang mana ianya adalah terlalu tidak adil di dalam segi pemakaiannya kepada pekerja yang tercedera.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 31 Akta itu berbunyi:

“Seseorang yang mempunyai perlin-dungan insuran atau tanggungannya tidak-lah berhak menerima atau mendapat balik daripada Majikan orang yang tercedera itu:

- (i) apa-apa pampasan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja tahun 1952; atau
- (ii) gantirugi-gantirugi di bawah mana-mana undang-undang lain semasa ia-nya berkuatkuasa mengenai sesuatu kecederaan pekerjaan yang berlaku sebagai seorang pekerja di bawah Akta ini.”

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 31 sebagaimana yang ada menafikan pekerja yang tercedera itu hak untuk mendakwa majikannya kerana kelalaian atau kecuai-an di bawah undang-undang biasa (Common Law). Dengan berbuat demikian Seksyen ini menafikan pekerja yang tercedera itu men-dapat gantirugi yang banyak dan bererti.

Benarkan saya memberi satu contoh di sini, seorang pekerja yang telah kehilangan se-belah kaki di dalam kemalangan kerana kelalaian atau kecuai-an majikannya adalah berhak kepada dua jenis gantirugi di bawah Common Law seperti berikut:

- (a) bagi kesakitan atau penderitaan ke-hilangan kegunaan dan kehilangan kaki sebanyak lebih kurang \$30,000, dan
- (b) bagi kehilangan pendapatan dan ke-upayaan pendapatan bergantung kepada jumlah pendapatan dan umurnya, misalnya jika pendapatan sebulan se-orang pekerja ialah lebih kurang \$200 dan ia berumur 25 tahun maka ia ber-hak mendapat gantirugi lebih kurang \$20,000 sebagai tambahan kepada \$30,000 itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang Akta Ke-selamatan Sosial Pekerja sebenarnya memberi kepada pekerja itu sama ada atau tidak majikan itu lalai ialah kehilangan pendapatan

tetapi tidak ada apa-apa bagi kecederaan. Yang demikian, dia hanya mendapat se-bahagian daripada tuntutan penuhnya dan ini juga ia mendapatnya dengan cara pem-bayaran bulanan dan tidak sekali gus. Dia dengan itu dinafikan sebahagian gantirugi yang bersangkutan dengan kecederaannya yang sebenar seperti contoh di atas wang se-jumlah \$30,000 itu.

Orang-orang yang terlibat termasuk pekerja-pekerja yang telah mendesak bahawa Seksyen 31 hendaklah dipinda untuk memberi pekerja yang cedera itu satu pilihan untuk memilih di antara mendakwa majikan kerana kelalaian di bawah Common Law atau membawa tuntutannya di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja. Hak memilih ini bukanlah satu perkara yang ganjil yang pekerja minta. Ianya adalah dibenarkan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja, 1952.

Memandangkan perkara yang di atas, Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini yang saya mengem-ukakan sekarang dipertimbangkan iaitu satu Akta bernama Akta Keselamatan Sosial Pe-kerja (Pindaan) 1979 bagi tujuan meminda Seksyen 31 Akta ini bagi mengembalikan kepada seseorang pekerja yang tercedera hak untuk memilih di antara mendakwa majikan kerana kecuai-an di bawah Common Law atau membawa tuntutannya di bawah Akta Ke-selamatan Sosial Pekerja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak apa?

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

4.22 ptg.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hum):** Tuan Speaker, masalah di hadapan kita sekarang, sebagai-mana yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, adalah untuk mengemukakan satu Rang Undang-undang dari Ahli Persendirian yang bernama Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979 untuk meminda Seksyen 31 Akta Kesela-matan Sosial Pekerja (Pindaan) 1969 bagi

mengembalikan kepada seseorang pekerja yang tercedera hak untuk memilih di antara mendakwa majikan kerana kecuaiannya di bawah Common Law atau membawa tuntutannya di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja. Perkara ini bukanlah pertama kalinya dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Issue ini telah timbul beberapa kali dan telahpun dibahaskan dengan panjang lebar di kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan perkara ini sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, mengenai berbagai-bagai faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum apa-apa keputusan diambil.

Pada permulaannya izinkan saya menerangkan sejarah di sebalik penubuhan SOCSO. Beratus-beratus pekerja telah tercedera tiap-tiap tahun akibat dari kemalangan perusahaan yang dialami dalam masa kerja. Bencana seperti ini adalah merupakan salah satu daripada kesan-kesan buruh yang dihadapi hasil dari kemajuan sos' al kita, dan mangsa-mangsa kemalangan ini adalah berhak mendapat satu sistem layanan yang selaras dan lengkap. Tiga perkara penting mengenai layanan ini ialah pencegahan, pemulihan dan pampasan.

Pencegahan sudah tentunya merupakan aspek yang paling penting dalam soal kecederaan yang timbul dari kemalangan. Sungguhpun pampasan dan pemulihan boleh dibincangkan dengan nada yang sama, perlulah diingat bahawa pampasan dari segi kewangan sahaja tidak dapat mengembalikan seseorang pekerja itu sihat seperti sedia kala serta mendapat semula pekerjaannya.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat-matlamat bagi satu sistem pampasan hendaklah menimbang berbagai-bagai implikasi dan bebanan yang timbul akibat dari kehilangan upaya seseorang pekerja itu dan keupayaannya untuk memberi sumbangan terhadap masyarakat am telah terjejas oleh kerana kecacatan anggotanya. Orang-orang yang tercedera sepatutnya mendapat pampasan dari satu sekim yang dibayai atas prinsip tanggungjawab masyarakat terhadap seseorang individu,—a pooling of risks. Perlulah diwujudkan satu cara penilaian kecederaan yang seragam, tanpa mengirakan sebab-sebab kecederaan tersebut boleh berlaku. Sekim ini hendaklah menentukan pemulihan anggota

dan keupayaan seseorang pekerja itu, di samping memberikan faedah-faedah pampasan kewangan atas kehilangan yang dialami. Pampasan yang sedemikian hendaklah diberi di dalam tempoh kehilangan upaya seseorang pekerja itu, dan memandangkan bahawa kecacatan anggota yang kekal dengan sendirinya merupakan satu kehilangan, maka pampasan yang setimpal haruslah juga diberikan. Kejayaan mana-mana sistem pampasan tidak seharusnya dijejaskan oleh kelewatan memberi ganjaran atau disebabkan oleh penilaian kecederaan yang tidak sama.

Ordinan Pampasan Pekerja, 1952 telah memberikan faedah pampasan yang tertentu, bagi kehilangan yang dialami oleh seseorang pekerja akibat dari bencana pekerjaan. Walau bagaimanapun, tidaklah boleh dipersoalkan bahawa sistem tersebut telah membuktikan satu konsep pampasan Keselamatan Sosial yang sama berpandukan kepada satu penilaian kehilangan upaya yang realistik, dari segi ekonomi dan fisikal, serta mengambil kira semuanya kerugian yang dialami akibat dari kehilangan upaya itu. Walau bagaimanapun pernah juga dipersoalkan bahawa Ordinan tersebut, dengan cara memberikan seseorang pekerja itu pilihan untuk membuat tuntutan, sama ada di bawah Ordinan itu, atau dengan cara "Common Law" telah memberikan pampasan yang sebenarnya.

Dari segi kewangan, tidaklah dapat dinafikan bahawa berkali-kali jumlah besar telah diberikan oleh Mahkamah kepada pekerja-pekerja tercedera yang telah menuntut ganti rugi dengan cara Common Law. Akan tetapi sistem seperti ini adalah berpandukan kepada sebab-sebab berlakunya kecederaan itu dan bukannya akibat daripada kecederaan itu berlaku. Konsep kelalaian bergantung kepada satu cara yang menasabah. Common Law telah memperakui bahawa tiap-tiap satu aktiviti ini mempunyai risikonya sendiri dan seseorang pekerja itu menerima risiko ini sebagai sebahagian dari tawaran pekerjaannya. Akan tetapi dari segi keselamatan pekerjaan, langkah-langkah hendaklah diambil terlebih dahulu untuk mencegah kemalangan itu dari berlaku. Jika sesuatu kemalangan itu berlaku disebabkan ketiadaan langkah-langkah keselamatan itu, maka barulah pihak majikan boleh dipersalahkan dan yang demikian tuntutan ganti-rugi bolehlah dibuat.

Proses pendakwaan ini adalah memakan masa yang lama dan menghadapi berbagai rintangan seperti kelewatan, bimbang dan cemas, yang kadangkala berakhir dengan kehampaan apabila jumlah pampasan yang sebenarnya adalah kecil. Dalam masa pendakwaan pula pekerja tersebut adalah terbiar tanpa apa-apa bantuan kewangan dan mungkin akan berbelanja dan berhutang lebih dari keupayaannya dengan harapan untuk mendapatkan gantirugi yang besar, yang dalam kebanyakan kes-kes telah terbukti tidak dapat dicapai. Proses perundangan ini juga mungkin akan menimbulkan ketegangan di antara majikan dan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, setelah menilaikan perkara tersebut semenjak tahun 1965, selepas menimbang dan membincangkan dengan panjang lebar pertubuhan majikan dan Kesatuan Sekerja, Kerajaan telah membentangkan di Parlimen, Akta Keselamatan Sosial Pekerja yang telah diluluskan pada tahun 1969. Akta ini berkuatkuasa dengan tujuan memberi faedah sebagaimana yang dimaksudkan mengikut falsafah keselamatan sosial. Ianya bergerak sebagai satu insuran untuk memberi pampasan atas bencana pekerjaan dengan secara menerima tanggungjawab untuk merawat dan memeriksa sebab-sebab bencana tersebut berlaku. Seseorang pekerja juga mempunyai hak untuk mendapat rawatan pemulihan sepenuhnya. Hak-hak pemulihan ini akan hanya dapat diberikan di dalam satu sekim Keselamatan Sosial yang lengkap, di mana kehilangan pekerja itu akan diberi pampasan oleh masyarakatnya sendiri.

Keselamatan Sosial, secara menyeluruh, tidaklah begitu wajar dalam konteks pembangunan negara sekarang. Hingga hari ini SOCSO hanya meliputi pekerja-pekerja yang termasuk di bawah takrif Akta Keselamatan Sosial pekerja hanya memberi dua faedah iaitu Sekim Bencana Pekerjaan dan Sekim Pencen Ilat. Kedua-dua sekim ini dikendalikan oleh SOCSO pada mulanya meliputi 804 majikan dan 23,094 pekerja. Pada akhir 1973 terdapat 19 pusat meliputi 13,717 majikan dan 422,157 pekerja di bawah Sekim Bencana Pekerjaan, pada tahun 1974 19 pusat-pusat ini juga memberikan perlindungan di bawah Sekim Pencen Ilat. Hari ini SOCSO bergerak melalui 33 pusat yang memberi perlindungan kepada 30,000 majikan dan lebih kurang 1.2 juta orang berinsuran.

Kadar sumbangan bagi sekim-sekim di bawah SOCSO adalah berpandukan pendapatan dan dikira mengikut 9 kumpulan

gaji. Sumbangan terhadap Sekim Bencana Pekerjaan adalah sebanyak 1.25% purata pendapatan bulanan seseorang pekerja itu. Sumbangan terhadap Sekim Pencen Ilat ialah sebanyak 1% purata pendapatan sebulan pekerja itu dan dibayar sama banyak oleh majikan dan pekerja.

Di bawah Sekim Bencana Pekerjaan, faedah tunai maksima yang boleh dibayar ialah 60% daripada pendapatan purata bulanan. Bagi kehilangan upaya kekal, di mana seseorang pekerja itu mengalami kecederaan yang pernah, tambahan 18% adalah dibayar sebagai elaun rawatan sepenuh masa. Pada bulan Mac, 1978 Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah mengemukakan satu kenaikan kadar faedah bagi kehilangan upaya kekal sebanyak 5% dan bagi orang tanggungan kadarnya dinaikkan kepada 7% berkuatkuasa mulai dari Januari, 1977. Bagi kes maut, faedah-faedah pengkebumian telah dinaikkan kepada \$500 pencen Ilat adalah dibayar tiap-tiap bulan dengan kadar dari 25%-65% daripada purata pendapatan bulanan pekerjaan itu. Pencen ini dibayar sepanjang tempoh Ilat atau sehingga pekerja itu meninggal dunia.

Rawatan perubatan kepada orang yang berinsuran adalah diberi melalui satu sistem penal doktor-doktor dan hospital-hospital Kerajaan. Orang-orang berinsuran yang tercedera adalah layak untuk dimasukkan kepada wad kelas kedua. Semua bayaran wad, bayaran pembedahan dan lain-lain perbelanjaan perubatan adalah ditanggung oleh SOCSO. Anggota-anggota palsu dan penggunaan lain-lain alat adalah dibekalkan atas perbelanjaan SOCSO.

Kajian semula secara menyeluruh Akta Keselamatan Sosial Pekerja dan Peraturan-peraturannya telah diperbuat oleh Kementerian saya pada tahun 1976 dengan bantuan seorang pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Hasil dari kajian semula itu, beberapa pindaan telah dibuat dan ini akan dikuatkuasakan pada 1-1-1980. Salah satu kesan yang terdapat daripada pindaan-pindaan ini ialah bidangkuasa SOCSO telah dapat diperluaskan. Beberapa kumpulan orang-orang tanggungan sekarang adalah layak untuk mendapat faedah walaupun mereka tidak bergantung sepenuhnya kepada orang berinsuran yang telah mati itu. Takrif gaji juga telah diperluaskan. Kanak-kanak yang menjadi orang-orang tanggungan, akan dibayar sehingga umur 16 tahun dan jika masih menuntut sehingga 18 tahun. Sungguhpun had

gaji sebanyak \$500 sebulan masih dikekalkan, pekerja-pekerja yang gajinya telah melebihi \$500 sebulan selepas memasuki Sekim SOCSO akan terus diliputi. Satu kadar faedah minima sebanyak \$2.50 sehari adalah dijamin.

Sebahagian daripada kajian semula Akta Keselamatan Sosial Pekerja itu ialah merangka cadangan-cadangan bagi memperluaskan bidangkuasa SOCSO supaya dapat memberikan satu sistem faedah yang lebih lengkap, sebagaimana yang dikehendaki di bawah konsep Keselamatan Sosial. Selain daripada dua faedah yang sekarang diberi oleh SOCSO, cadangan-cadangan tersebut juga termasuk sakit, faedah bersalin, faedah kepada orang-orang tanggungan di bawah pencen ilat dan faedah kepada waris (survivors). Terdapat juga cadangan bagi SOCSO untuk mengadakan kemudahan-kemudahan perubatannya sendiri untuk memberi rawatan perubatan. Semua cadangan-cadangan ini adalah sekarang dalam kajian Kementerian saya dan lain-lain agensi yang berkaitan. Kadar sumbangan bagi satu sistem Keselamatan Sosial yang lengkap sedang dikaji oleh seorang actuary. Kementerian saya adalah memandang berat akan hakikat bahawa Akta ini hanya meliputi pekerja-pekerja sebagaimana yang ditafsirkan di bawah undang-undang tersebut, yang demikian meninggalkan sebilangan besar mereka yang bekerja sendiri daripada perlindungannya. Masalah yang akan timbul dalam membiayai satu sekim Keselamatan Sosial yang juga meliputi orang-orang yang bekerja sendiri adalah banyak. Sebagai keutamaannya, Kementerian saya sedang meninjau kesesuaian untuk memperluaskan liputan SOCSO kepada petani-petani dan nelayan-nelayan kita. Perluasan SOCSO pada masa hadapan ialah untuk memberi liputan seluruh negara kepada semua pekerja-pekerja di bawah sekim Bencana Pekerjaan dan Sekim Pencen Ilat, pada akhir tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, pemulihan dalam ertikanya yang luas adalah di'akrifkan sebagai, pengambil semula bagi orang-orang cacat kepada satu taraf pemulihan yang lengkap dari segi jasmani, mental, sosial, vokesyenal dan ekonomi yang mereka sepatutnya berupaya. Dengan izin, iaitu dalam bahasa Inggeris "Rehabilitation in its widest sense has been defined as the restoration of the handicapped to the fullest physical, mental, social, vocational and economic usefulness of which they are capable". Keseluruhan proses ini hendaklah bermula

dengan rawatan yang paling awal ke atas kecederaan itu dan hendaklah berakhir apabila semuanya telah diperbuat supaya pekerja yang berkenaan boleh berdikari dari segi sosial dan ekonomi dalam tempoh yang paling singkat. Sebahagian besar daripada mereka yang ditimpa kemalangan telah pulih dengan cepat dan kembali kepada pekerjaan mereka. Yang lainnya akan kembali juga akhirnya, tetapi hanya selepas tempoh rawatan dan setelah sembuh semula. Terdapat juga sekumpulan kecil orang-orang yang hilang upaya yang bukan sahaja memerlukan layanan yang lebih tetapi juga melatih mereka semula sebelum mereka diberi pekerjaan semula. Pemulihan semula, sepertimana yang dinyatakan di atas, adalah satu dari aspek-aspek penting keselamatan sosial.

Adalah tidak realistik untuk mengharapkan satu Sekim Insuran Sosial di sebuah negara yang sedang membangun, seperti Malaysia, untuk memberikan di peringkat permulaannya perkhidmatan pemulihannya sendiri, terutamanya sekali memandangkan kepada keupayaan kawasan yang terhad, kekurangan kakitangan yang terlatih, pekerjaan yang sesuai dan lain-lain keperluan. Walau bagaimanapun undang-undang sosial insuran kita ada mempunyai peruntukan-peruntukan yang memberi kuasa kepada pihak yang memberi perlindungan insuran menjalankan langkah-langkah di samping sekim yang ada, bagi meningkatkan kesihatan, kebajikan pemulihan dan penggajian semula orang-orang berinsuran yang telah mengalami kecederaan. SOCSO mempunyai di dalam pertubuhannya pegawai-pegawai penempatan yang menguruskan peluang-peluang penggajian semula bagi pekerja-pekerja yang tidak berupaya. Sebagai satu projek percubaan lima pekerja yang tidak berupaya yang diliputi oleh SOCSO sedang menjalani pemulihan vocational di Pusat Latihan Perindustrian berasas pertanian di Kuala Pilah. Tiga orang pula sedang menjalani proses pemulihan semula di pusat pemulihan di Cheras di bawah Kementerian Kebajikan Am. SOCSO telah juga mengorak langkah untuk mempercepatkan lagi bekalan-bekalan anggota palsu kepada orang-orang yang berinsuran. Adalah diharapkan bahawa SOCSO pada masa akan datang akan dapat memikul tanggungjawab yang besar dalam menguruskan keperluan ini.

Saya telah menerangkan dengan panjang lebar mengenai Sekim Insuran Sosial, falsafah di sebaliknya, bidangkuasa matlamatnya dan sekatan-sekatannya. Saya telah juga menyentuh mengenai bidang sekim insuran yang sedemikian jika dibandingkan dengan sekim di bawah Ordinan Pampasan Pekerja. Izinkan saya beralih kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu iaitu pindaan seksyen 31, Akta Keselamatan Sosial yang berbunyi:

"Seseorang berinsuran atau orang-orang tanggungannya tidaklah berhak menerima atau menuntut daripada majikan orang berinsuran itu—

- (i) apa-apa pampasan di bawah Ordinan Orangkerja, 1952, atau
- (ii) gantirosak di bawah mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa pada masa itu.

Mengenai sesuatu bencana kerja yang berlaku ke atasnya tatkala menjadi seorang pekerja mengikut Akta ini."

Pada ketika ini adalah menjadi tugas saya untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini yang sebenarnya usul ini adalah tidak lengkap kerana satu pindaan ke atas seksyen 31 sahaja, sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tidak akan dapat mencapai tujuannya, sungguhpun ianya merupakan satu "technicality" sahaja, akan tetapi, adalah perlu juga dipinda seksyen 42, yang berbunyi: "Apabila seseorang itu berhak mendapat apa-apa faedah yang diperuntukkan oleh Akta ini, ia tidaklah berhak mendapat apa-apa faedah serupanya yang dibenarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain".

Banyak telah diperkatakan mengenai pengesahan seksyen 31, ini sama ada ia sah dari segi perlembagaan atau tidak. Majlis Peguam telahpun menyuarakan pindaan ini semenjak 1976. Pertubuhan majikan pula telah menyatakan bahawa dengan membenarkan seseorang pekerja itu membuat tuntutan di bawah "Common Law" bererti bahawa pihak mereka akan terpaksa mengambil insuran tambahan untuk melindungi mereka dari tuntutan tersebut. Ini akan merupakan tambahan cukai kepada buruh. Izinkan saya berhenti sebentar di sini untuk meninjau kedudukan ini yang sebenarnya. Perkara yang penting sekali dalam masalah ini, sebagaimana yang kita semua bersetuju, ialah seseorang pekerja tidak seharusnya

mendapat pampasan yang kurang daripada apa yang seharusnya didapati akibat dari kehilangan upaya.

Kedua-dua sekim yang berjalan di bawah SOCSO. Pada masa sekarang memberi pampasan hanya bagi kehilangan upaya pendapatan berpandukan kepada purata pendapatan pada masa kecederaan ini berlaku. Adalah benar bahawa SOCSO tidak mengambil kira aspek-aspek penting pampasan seperti kehilangan kesenangan, kehilangan potensi keupayaan pendapatan, serta kesakitan dan kesengsaraan. Akan tetapi SOCSO pada peringkat sekarang tidak dapat memberikan faedah gantirugi sebagaimana yang terdapat di bawah "Common Law." Kemudahan-kemudahan pemulihan semula yang rendah, di Malaysia dan juga kesulitan mendapatkan pekerjaan semula bagi pekerja-pekerja yang cacat, adalah mendapat perhatian berat Kementerian saya.

Kementerian saya di dalam kajian semula undang-undang Keselamatan Sosial telah mengkaji aspek ini dengan mendalam pada tahun 1976. Pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang dipinjamkan kepada kita telah juga diminta memberi ulasannya terhadap perkara membuka jalan kepada pekerja membuat tuntutan di bawah "Common Law" bagi pampasan yang tidak diliputi oleh SOCSO. Kita telah menerangkan bahawa jika SOCSO tidak berupaya memberikan pampasan seperti itu, mungkin pada masa akan datang tindakan "Common Law" ini akan dapat dibenarkan. Kementerian saya telah mengkaji dengan mendalam mengenai cara-cara yang terbaik pilihan tersebut dapat dijalankan sekiranya dia akan dibenarkan.

Satu penilaian actuary telah dibuat baru-baru ini untuk mengkaji semula kesesuaian memperluaskan Keselamatan Sosial kepada satu cara yang lebih lengkap, pada masa yang akan datang, dan untuk meningkatkan lagi kadar faedah-faedahnya.

Tuan Yang di-Pertua, antara beberapa pengalaman dalam bidang keselamatan sosial telah sampai ke satu peringkat di mana tindakan Common Law telah diketepikan sama sekali. Adalah diterima oleh pihak antarabangsa bahawa dengan membenarkan tindakan Common Law yang berasaskan kepada pembuktian kesalahan adalah merupakan satu langkah yang mundur (Retrogressive). Walau bagaimanapun, bukanlah

tujuan Kerajaan untuk bergantung sepenuhnya atas pengalaman negara-negara yang maju. Akan tetapi memandangkan kepada rancangan perluasan Kerajaan masa akan datang, dan memandangkan konsep keselamatan sosial. Soal ini sama ada untuk membenarkan pekerja mengambil tindakan Common Law atau tidak akan memerlukan pertimbangan yang lebih mendalam.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menegaskan bahawa usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, adalah permintaan yang terlalu awal (premature) untuk dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya soal mengembalikan semula kepada pekerja hak yang membawa tindakan di bawah Common Law tidak timbul sama sekali, kerana pada mulanya sekali, di bawah Akta Keselamatan Sosial sememangnya tidak terdapat pilihan bagi pekerja untuk menuntut gantirugi di bawah Common Law. Walau bagaimanapun perkara yang ditimbulkan ini, sedang dalam kajian yang aktif oleh Kementerian saya dan kita berharap akan mencapai satu keputusan ad'i dan boleh diterima oleh semua pihak, tidak berapa lama lagi.

Akhir sekali saya mencadangkan supaya usul Ahli Yang Berhormat itu ditolak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PENCEN

#### *Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

4.51 ptg.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pencen yang diberi nama Akta Pencen 1979 adalah pada dasarnya digubal dengan tujuan untuk melaksanakan secara kuatkuasa undang-undang sekim pencen di bawah C.C.R. bagi pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang telah memilih tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan baru Kabinet. Ianya juga adalah untuk menyatukan undang-undang yang berasingan sekarang yang terdapat di negeri Sabah, negeri Sarawak dan Semenanjung Malaysia, iaitu Ordinan Pencen (Sabah) 1963, Ordinan Pencen (Sarawak) Bab 89 dan Ordinan Pencen 1951.

Seperti yang termaklum bahawa sehingga sekarang perkara pentadbiran pencen untuk pegawai-pegawai serta kakitangan perkhidmatan awam di Malaysia adalah dilakukan melalui undang-undang yang berasingan yang sebenarnya adalah merupakan undang-undang lama yang telah wujud sejak pemerintahan penjajah British lagi. Apabila C.C.R. telah dilaksanakan di negeri Sabah dan Sarawak baru-baru ini, maka perlulah undang-undang pencen yang sedia ada di negeri-negeri itu dipinda sewajarnya untuk menyesuaikan dengan perakuan-perakuan seperti yang terdapat di dalam C.C.R. Ordinan Pencen 1951 untuk Semenanjung Malaysia telah dipinda sewajarnya apabila C.C.R. dilaksanakan dalam tahun 1978. Juga adalah difikirkan anih sedikit dalam mana didapati tiga undang-undang pencen yang berasingan bagi seluruh Malaysia, sedangkan tanggungjawab mengenai pentadbiran dan pembayaran pencen bagi semua pegawai-pegawai dan kakitangan awam di Malaysia adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Oleh hal yang demikian, apabila urusan dimulakan untuk meminda undang-undang pencen yang dipakai di Sabah dan di Sarawak untuk melaksanakan perakuan C.C.R. mengenai pencen, maka kesempatan telah diambil sewajarnya untuk menggubal hanya satu undang-undang sahaja mengenai pencen untuk dipakai bagi seluruh Malaysia. Dengan adanya satu undang-undang bagi seluruh Malaysia, secara langsung juga ini adalah memberi makna yang sebenarnya kepada matlamat dan tujuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penggubalan undang-undang baru ini juga kesempatan telah diambil untuk melaksanakan dua perkara yang agak penting iaitu pertamanya untuk memperbaiki undang-undang itu dari segi memudahkan rujukan dan bahasa yang digunakan. Seperti yang termaklum bahawa undang-undang pencen yang sedia ada sekarang ini memang didapati sukar untuk difahami apabila dibaca dan oleh itu mengikut amalan, telah mendatangkan beberapa kesulitan dalam mentadbirkannya. Urusan penggubalan undang-undang baru ini telah dibuat dengan tidak mengurangkan atau meluputkan faedah-faedah yang diperuntukkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang tertakluk kepada undang-undang yang lama itu.

Yang keduanya pula ialah untuk mengkaji semula prinsip-prinsip yang tertentu dengan tujuan untuk memperbaiki lagi prinsip-prinsip itu supaya ianya lebih bersesuaian dengan keadaan sekarang. Dalam hubungan ini adalah perlu bagi saya untuk menyatakan bahawa sejak wujudnya undang-undang pencen yang terdapat berasingan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia itu, tidak ada tindakan yang telah diambil untuk mengkajinya serta prinsip-prinsip yang digunakan. Pindaan-pindaan yang telah dibuat hanyalah berikutan daripada penyesuaian kepada perubahan faktor perkerjaan pencen serta konsep tentang perkara-perkara yang tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, ingin saya menegaskan di sini bahawa dalam perubahan beberapa prinsip yang difikirkan penting daripada undang-undang yang lama itu, ianya pula tidak menjejaskan sama sekali segala hak-hak dari segi kelayakan pegawai dan kakitangan Kerajaan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia terhadap segala faedah-faedah persaraan yang mereka sekarang layak untuk menerimanya di bawah undang-undang yang lama itu. Sebaliknya, prinsip-prinsip baru yang digunakan di dalam undang-undang baru ini adalah akan memberi manfaat yang lebih kepada mereka disamping ianya dianggapkan lebih realistik kepada keadaan yang terdapat di negara sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyata serta menghuraikan perkara-perkara yang terdapat dalam undang-undang baru yang saya bantangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

(i) *Pengurniaan taraf berpencen (Fasal 7)*

Ini adalah satu konsep baru yang sebenarnya hanya untuk melaksanakan perakuan C.C.R. Jika dahulunya taraf berpencen seseorang kakitangan Kerajaan itu adalah semata-mata bergantung kepada jawatan yang dipegangnya yakni jawatan itu mestilah diisytiharkan sebagai berpencen dan kakitangan itu dikehendaki apa yang dikatakan "diletakkan ke dalam perjawatan yang berpencen". Maka sekarang ini proses demikian tidaklah lagi perlu dan sama ada seseorang itu boleh memperoleh taraf berpencen atau tidak, adalah tertakluk kepada perkhidmatannya yang boleh diambilkira untuk faedah-faedah pencen dengan syarat bahawa perkhidmatan itu mestilah tidak kurang daripada 10 tahun. Dalam perkara ini tidak dikira jawatan yang dipegang dan tidak dikira kalau perkhidmatan itu sementara ataupun tetap asal-

kan kakitangan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan di dalam C.C.R., maka beliau itu setelah disahkan dalam jawatannya dan berkhidmat tidak kurang daripada 10 tahun, bolehlah diberi taraf berpencen.

(ii) *Umur wajib bersara (Fasal 10 (1), (2), (3) dan (4))*

Di dalam undang-undang yang sedia ada sekarang, sungguhpun diperuntukkan umur bersara wajib adalah 55 tahun, tetapi persaraan seseorang itu pada umur tersebut tidaklah berlaku secara automatik. Seseorang pegawai ataupun kakitangan itu boleh terus berkhidmat walaupun melebihi umur 55 tahun, jika ianya tidak dikehendaki bersara ataupun tidak diberi notis untuk bersara. Ini adalah dianggap sebagai satu kelemahan dalam peruntukan undang-undang yang boleh dan pernah menimbulkan penyelewengan oleh pihak tertentu dan kebiasaannya alasan yang telah diberi ialah bahawa kes berkenaan telah terlepas pandangan.

Undang-undang baru yang disyorkan ini adalah mewajibkan persaraan mengikut perjalanan undang-undang (by operation of law). Dengan cara ini difikirkan ianya bukan sahaja akan mengurangkan kos kepada Kerajaan dari segi meringkaskan tindakan dengan tidak perlu lagi memberi notis kepada setiap kes persara, tetapi juga akan membuat kakitangan-kakitangan sedarkan hakikatnya supaya mereka tidak ragu lagi dalam membuat perancangan persaraan mereka sebelum meningkat umur bersara wajib tersebut. Walau bagaimanapun, pengecualian daripada syarat demikian telah dibuat apabila tindakan tata-tertib ke atas seseorang pegawai atau kakitangan yang menjelang umur 55 tahun dapat diteruskan dan ini telah diperuntukkan sewajarnya untuk membolehkan perkhidmatan pegawai berkenaan dilanjutkan walaupun sehingga melampaui umur 55 tahun, tetapi atas cuti tidak bergaji. Peruntukan seperti ini adalah penting oleh kerana seseorang pegawai atau kakitangan Kerajaan yang melakukan kesalahan yang besar, tidaklah dapat terlepas dengan begitu sahaja daripada kesalahannya, semata-mata kerana peraturan tatatertib di bawah Perintah Am Bab "D" terpaksa berlanjutan dan oleh itu tidak boleh berkuatkuasa ke atas seseorang pegawai atau kakitangan yang telah melebihi umur bersara.

Pengecualian juga adalah perlu bagi kes-kes seperti berikut:

- (a) bagi Setiausaha Dewan Rakyat dan Dewan Negara kerana umur wajib bersara menurut Perlembagaan ialah 60 tahun;
  - (b) untuk memberi masa kepada pihak berkuasa negeri Sabah dan Sarawak mengarahkan semua pegawai-pegawai yang telah melewati 55 tahun agar bersara tidak lewat daripada 6 bulan selepas Rang Undang-undang ini dijadikan Undang-undang; dan
  - (c) bagi mengakui sahnya persaraan pegawai-pegawai di negeri Sabah dan Sarawak semenjak 1.1.76 walau pun mereka telah mencapai umur lebih 55 tahun pada tarikh persaraan, di atas sebab-sebab masalah perhubungan dan rekod perkhidmatan.
- (iii) *Persaraan untuk kepentingan perkhidmatan (Fasal 11 (B))*

Peruntukan untuk membolehkan persaraan dibuat bagi pegawai-pegawai atau kakitangan di atas kepentingan perkhidmatan adalah untuk menambahkan lagi kesan kepada konsep perkhidmatan cemerlang yang telah dilancarkan pada awal tahun ini. Dengan demikian bagi pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan yang belum sampai umur untuk bersara secara pilihan sendiri dan Kerajaan memikirkan bahawa mereka tidak boleh lagi memberi perkhidmatan yang baik oleh kerana faktor-faktor yang di luar kawalan mereka, maka Kerajaan boleh mempersarakan mereka itu tetapi dengan syarat bahawa mereka sendiri akan bersetuju untuk dipersarakan. Persaraan ini adalah dengan bayaran pencen serta ganjaran yang layak diterima oleh pegawai atau kakitangan yang berkenaan dengan dilakukan dengan cara tidak menjejaskan nama baik pegawai atau kakitangan itu.

- (iv) *Faedah-faedah kecederaan atau pencen kerana kehilangan upaya (Fasal 17)*

Undang-undang Pencen sekarang adalah menghadkan pembayaran ini kepada 2/3 daripada gaji akhir. Adalah difikirkan bahawa amalan sekarang tidaklah wajar kerana dari segi dasar, pembayaran pencen yang hasil daripada perkhidmatan tidaklah seharusnya dicampur aduk dengan faedah-faedah kehilangan upaya akibat daripada kecederaan

memandangkan bahawa kedua-duanya dibayar berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang berasingan.

Seperti yang kita ketahui bahawa pencen perkhidmatan adalah berkaitan secara langsung dengan perkhidmatan seseorang itu dan adalah merupakan satu pembayaran atau "reward" bersabit dengan perkhidmatan yang disumbangkan oleh pegawai atau kakitangan itu kepada negara. Sebaliknya pula faedah-faedah kehilangan upaya adalah merupakan satu unsur pampasan akibat daripada kemalangan yang menimpa kepada seseorang kakitangan kerana menjalankan tugasnya. Jikalau jumlah pencen perkhidmatan dan faedah kecederaan dihadkan kepada 2/3 gaji akhir bermaknalah seseorang pegawai atau kakitangan berpencen yang menerima kecederaan itu pada hakikatnya tidak menerima sepenuhnya sama ada pencen perkhidmatan atau faedah-faedah kecederaan. Ini adalah sebenarnya bercanggah dengan tujuan asal pemberian tiap-tiap faedah itu sebagai yang saya telah katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, maka adalah dengan kesederan seperti di atas bahawa undang-undang baru mengenai perkara ini mengandungi peruntukan supaya faedah pencen perkhidmatan dan faedah kecederaan dibayar sepenuhnya menurut kadar yang ditetapkan dengan tidak menghadkan jumlahnya. Ini adalah difikirkan adil dan saksama kerana saya tidak percaya ada sesiapa yang mencederakan dirinya dengan sengaja hanya untuk mendapatkan pencen berkenaan. Tiap-tiap kecederaan yang berlaku adalah oleh kerana takdir Tuhan.

- (v) *Pencen tanggungan (Fasal 18)*

Rang Undang-undang yang baru ini juga mengandungi peruntukan supaya pencen tanggungan dibayar sebagai tambahan kepada pencen terbitan.

Undang-undang pencen sekarang memang ada peruntukan bagi kedua-dua bayaran ini tetapi cara mengenai pembayarannya tidak berapa jelas, iaitu sama ada pencen tanggungan dibayar sebagai satu unsur tambahan ataupun sebagai ganti atau "alternative" kepada pencen terbitan. Walau bagaimanapun secara pentadbiran orang-orang tanggungan dibayar bagi tempoh 12½ tahun selepas tarikh kematian kakitangan berkenaan ataupun bagi tempoh 12½ tahun daripada tarikh persaraan kakitangan itu berdasarkan kepada kadar

pencen terbitan atau kadar pencen tanggungan, menurut mana yang memberi faedah lebih kepada orang-orang tanggungan yang berkenaan. Adalah difikirkan bahawa amalan seperti ini bukan sahaja kurang adil tetapi mungkin juga bercanggah dengan atau menyimpang daripada prinsip pencen itu sendiri.

Dalam perkara ini ingin saya menyatakan apabila seseorang kakitangan itu meninggal dunia semasa berkhidmat atas apa sebab sekalipun, orang-orang tanggungannya telah sedia layak untuk mendapat pencen terbitan yang bersamaan dengan pencen perkhidmatan bagi tempoh tidak melebihi 12½ tahun. Jikalau kematian kakitangan berkenaan disebabkan oleh kecederaan kerana menjalankan tugas, maka sepatutnya ada unsur pampasan disamping pencen terbitan bagi faedah orang-orang tanggungannya yang masih hidup.

Jikalau dikaji semua latar belakang mengenai pencen tanggungan dan pencen terbitan adalah didapati bahawa pencen tanggungan memang telah sedia wujud sebelum pencen terbitan dilaksanakan di bawah Laporan Suffian. Apabila pencen terbitan diwujudkan soal sama ada ianya merupakan tambahan kepada faedah-faedah yang sedia ada nampaknya telah tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Hanyalah setelah undang-undang dipinda apabila Laporan Suffian dilaksanakan barulah difikirkan tentang masalah yang terlibat dan dengan secara senang sahaja masalah itu di atasi secara pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian ini telah mendatangkan banyak implikasi yang di antaranya adalah seperti berikut:

- (a) faedah yang diberi tidak mencerminkan sebarang pampasan ke atas kecederaan yang menimpa kakitangan berkenaan hingga menyebabkan kematiannya. Di bawah tanggungaji dan syarat-syarat perkhidmatan CCR, orang-orang tanggungan telah sedia layak menerima pencen terbitan tidak kurang daripada 1/5 gaji akhir pegawai atau kakitangan yang berkenaan, walaupun di dalam kes-kes kematian biasa;
- (b) terdapat pelanggaran prinsip mengenai kelayakan menerima pencen terbitan bagi tempoh permulaan selama 12½ tahun oleh kerana seseorang yang layak untuk mendapat pencen tanggungan tidak semestinya layak untuk mendapat

pencen terbitan. Misalnya ibu dan bapa si mati adalah layak untuk dipertimbangkan pencen tanggungan.

Menurut kadar yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Pencen 1957, tetapi tidak pula pencen terbitan. Oleh kerana pencen yang dibayar dalam tempoh 12½ tahun selepas tarikh kematian seseorang kakitangan itu tidak seharusnya terkurang daripada pencen terbitan, maka sebarang pembayaran yang dibuat daripada jumlah pencen berkenaan kepada ibu bapa si mati, adalah akibatnya menyusutkan pencen terbitan yang dibayar kepada balu dan anak-anak si mati. Pada hal menurut undang-undang, mereka ini telah sedia layak untuk mendapat pencen terbitan atas kadar yang bersamaan dengan pencen yang dibayar kepada kakitangan semasa bersara.

Seperti juga dengan pencen kehilangan upaya maka pencen tanggungan juga hendaklah dianggapkan sebagai satu unsur pampasan dan oleh yang demikian dibayar berasingan daripada pencen terbitan. Oleh itu sebagai satu unsur pampasan ianya hendaklah dianggapkan sebagai tambahan kepada pencen terbitan yang timbul kerana khidmat yang telah diberi oleh pegawai-pegawai atau kakitangan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara ini sahajalah dapat dibezakan secara adil dan saksama di antara faedah yang diberikan kepada orang-orang tanggungan kakitangan yang meninggal dunia, iaitu sama ada kematiannya disebabkan keadaan tugas yang dilaksanakan ataupun sebagai kematian biasa. Lagipun prinsip yang disyorkan ini akan dapat mengelakkan daripada keadaan yang lebih menyulitkan apabila kakitangan berkenaan juga adalah seorang pekerja di bawah "The Workmen's Compensation Ordinance, 1952".

(vi) *Pembayaran oleh kerana kemalangan Perjalanan*

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Pencen baru ini juga ada memperuntukkan supaya dipanjangkan juga bayaran pencen kehilangan upaya dan pencen tanggungan kepada pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan yang terlibat dalam semua kemalangan perjalanan, sama ada berlakunya semasa menjalankan tugas rasmi ataupun tidak. Kerajaan adalah memikirkan peraturan sekarang bukan sahaja telah mendatangkan banyak kesulitan dari segi pentadbiran tetapi

juga tidak mendatangkan manfaat kepada pegawai-pegawai dan kakitangannya. Tiap-tiap kecederaan yang telah berlaku disebabkan perjalanan adalah sukar untuk diperbezakan, sama ada pegawai atau kakitangan itu telah menggunakan kenderaan untuk menjalankan tugasnya ataupun di atas sebab-sebab perendirian. Seperti yang saya telah nyatakan, dari segi perlaksanaan peraturan-peraturan yang sedia wujud sekarang telah banyak menimbulkan kesulitan kerana tiap-tiap tuntutan perlu dibuat akibat kecederaan yang telah berlaku di dalam perjalanan perlu disiasat untuk ditentukan sama ada perjalanan yang telah menyebabkan kecederaan itu dibuat di atas tugas-tugas rasmi pegawai atau kakitangan itu ataupun sebaliknya.

Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan sebenarnya bolehlah dianggap sebagai bertugas 24 jam sehari dan walaupun di dalam cuti mereka boleh dipanggil untuk bertugas pada bila-bila masa sahaja. Maka oleh yang demikian adalah difikirkan lebih baik jika perjalanan yang menyebabkan kecederaan yang berlaku itu tidak diperbezakan dan dengan ini akan dapat melicinkan lagi perkara pentadbiran dalam melaksanakan undang-undang pembayaran pencen terbitan atau pencen kehilangan upaya yang telah wujud daripada kecederaan disebabkan perjalanan. Dan ini sudah tentu memberikan faedah yang lebih besar kepada kakitangan awam.

*(vii) Kadar pampasan bersabit dengan kemalangan kapalterbang kerana menjalankan tugas atau lain-lain kenderaan*

Satu prinsip baru mengenai perjalanan yang sebenarnya terdapat di dalam peraturan dan bukan di dalam undang-undang pencen yang dikemukakan ini. Tetapi pada pendapat saya penting untuk diumumkan di sini iaitu mengenai pembayaran kadar pampasan yang telah disamakan sama ada bersabit dengan kemalangan kapalterbang ataupun lain-lain jenis kenderaan kerana menjalankan tugas. Menurut peraturan pencen sekarang kadar faedah kecederaan atau pencen terbitan yang dibayar bersabit dengan kemalangan kapalterbang adalah lebih tinggi daripada kadar yang dibayar kepada pesara atau orang-orang tanggungan bersabit dengan kemalangan yang menimpa pegawai atau kakitangan yang berkenaan ketika menaiki kenderaan yang lain dalam menjalankan tugasnya ini adalah difikirkan tidak begitu wajar oleh kerana

kemungkinan seseorang itu menemui kemalangan di jalanraya adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kemungkinan mendapat kemalangan kapalterbang. Oleh hal yang demikian Kerajaan telah bersetuju supaya kadar faedah yang dibayar bersabit dengan kemalangan kapalterbang juga dipanjangkan untuk meliputi pegawai-pegawai dan kakitangan yang mendapat kemalangan ketika dalam perjalanan dengan menggunakan kenderaan-kenderaan yang lain. Adalah difikirkan perbezaan kadar yang wujud bagi peraturan-peraturan pencen yang lama itu merupakan satu peninggalan dasar zaman penjajahan yang tidak sesuai lagi pada masa ini.

*(viii) Mengambilkira tempoh perkhidmatan dalam angkatan tentera*

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi prinsip yang penting yang telah dipersetujui oleh Kerajaan di dalam perkara pencen ialah untuk mengambilkira perkhidmatan seseorang itu dengan angkatan tentera untuk faedah pencen. Ini sebenarnya adalah dibekalkan dalam Peraturan dan tidak di dalam Undang-undang Pencen yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi saya rasa adalah perlu bagi saya untuk menyatakannya untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dalam perkara ini di bawah tanggungaji dan syarat-syarat perkhidmatan baru Kabinet, seseorang pekerja sekarang adalah layak untuk diambilkira tempoh perkhidmatannya dengan badan berkanun atau kuasa tempatan bahkan juga tempoh perkhidmatan dengan sekolah mubaligh untuk tujuan pencen. Oleh yang demikian, Kerajaan memikirkan tidaklah wajar sekiranya perkhidmatan dengan angkatan tentera yang sebenarnya adalah salah satu daripada perkhidmatan awam di bawah Perkara 132 (1) Perlembagaan Persekutuan, tidak diambilkira untuk tujuan pencen di bawah sekim pencen perkhidmatan awam sivil.

Semasa dulu perkara ini tidak dipersetujui dengan hujah bahawa sekim angkatan tentera adalah ditadbirkan di bawah undang-undang yang berasingan. Kerajaan berpendapat bahawa hujah ini tidaklah boleh dipertahankan lagi kerana sekim pencen bagi badan berkanun dan kuasa tempatan juga adalah ditadbirkan di bawah undang-undang yang berasingan. Oleh itu, untuk

mengelakkan percanggahan, Kerajaan sekarang telah bersetuju tempoh perkhidmatan dengan angkatan tentera boleh diambilkira untuk tujuan pencen dengan syarat:-

- (a) tempoh yang berkenaan adalah tempoh perkhidmatan yang layak diambilkira untuk pencen di bawah Akta Angkatan Bersenjata 1972; dan
- (b) pegawai atau kakitangan berkenaan tidak dibayar pencen perkhidmatan apabila perkhidmatan tenteranya itu ditamatkan.

Dengan adanya peruntukan untuk mengambilkira perkhidmatan dengan angkatan tentera seperti yang saya nyatakan itu, maka ini akan menyelaraskan kedudukan dasar Kerajaan mengenai pengambilan semula ke dalam perkhidmatan awam sivil bekas-bekas perajurit yang ditamatkan perkhidmatannya ketika masih di dalam peringkat umur pertengahan.

(ix) *Had Umur bagi kanak-kanak yang menerima pencen terbitan (Fasal 16 (b))*

Mengikut undang-undang yang sedia ada sekarang hanya kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah sahaja yang layak menerima pencen terbitan. Had umur ini sebenarnya telah ditetapkan oleh penjajah dahulu dan telah menjadi had umur yang dianggapkan "standard" sebagai umur yang paling tinggi sekali sebelum seseorang kanak-kanak itu dikatakan tidak lagi menjadi tanggungan kepada ibubapanya.

Had umur ini juga adalah dikenakan dalam semua keadaan tidak dikira sama ada kanak-kanak itu boleh mencari nafkahnya sendiri selepas umur 18 tahun atau tidak. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah memikirkan bahawa had umur ini tidaklah realistik atau wajar dan ianya juga bukan mencerminkan keadaan sebenar atau adat resam orang-orang Malaysia kerana banyak daripada keluarga-keluarga kita di Malaysia ini adalah menanggung saraan hidup kanak-kanak berumur lebih daripada 18 tahun terutamanya kanak-kanak perempuan yang masih belum berumah tangga atau bekerja.

Undang-undang baru ini memperuntukkan had umur kanak-kanak yang menjadi tanggungan dalam keadaan biasa pada 21 tahun. Bagi kanak-kanak yang tidak berkeupayaan mencari nafkah sendiri kerana cacat otak atau cacat anggota, umurnya tidaklah dihadkan dan tertakluk sahaja kepada tempoh

tidak melebihi 12½ tahun. Bagi kanak-kanak yang sedang melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi, had umur tidak ditetapkan asalkan tempoh pembayaran selama 12½ tahun itu dipatuhi.

(x) *Ganjaran/pencen yang tidak sempat diterima oleh pesara kerana meninggal dunia —pembayaran tanpa surat kuasa (Fasal 27)*

Mengikut peraturan yang ada sekarang, ganjaran atau pencen yang tidak sempat diterima oleh seseorang pesara oleh kerana telah meninggal dunia adalah dianggap sebagai harta pesaka. Oleh hal yang demikian, balu dan anak sipesara yang meninggal dunia itu tidak dapat dibayar pencen atau ganjaran itu sehingga surat kuasa diperolehi. Peraturan ini boleh mendatangkan banyak kesulitan kepada balu dan anak-anak si pesara yang telah bersama-sama bergantung kepada pencen dan ganjaran yang telah atau akan diterima oleh si pesara jikalau si pesara itu tidak meninggal dunia. Oleh sebab beberapa perkara, urusan untuk mengambil surat kuasa selalunya memakan masa yang berpanjangan dan oleh yang demikian sementara pencen terbitan dibayar, balu dan anak-anak yang berkenaan terpaksa mencari apa-apa jua punca yang lain untuk mendapat bantuan kewangan bagi menampung hidup seharian mereka. Perkara ini adalah amat mengecewakan.

Oleh itu undang-undang yang baru ini akan membetulkan keadaan ini kerana ganjaran dan pencen tidak akan lagi dianggap sebagai harta pesaka si pesara yang meninggal dunia. Dengan demikian akan memudahkan pembayaran ganjaran atau pencen yang tidak sempat diterima oleh seseorang pesara itu sebelum tarikh ianya meninggal dunia kepada orang-orang tanggungannya dengan tidak payah menunggu surat kuasa yang dikehendaki di bawah pentadbiran harta pesaka. Dengan ini jua penderitaan orang-orang tanggungan si pesara yang meninggal dunia itu akan dapat banyak dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan ataupun penyesuaian sebahagian dari prinsip-prinsip seperti yang telah saya huraikan tadi, Kerajaan yakin akan memperbaiki lagi sistem pengurusan pencen pada keseluruhannya. Sungguhpun ianya akan melibatkan implikasi kewangan, tetapi tidaklah dijangka ianya akan menyebabkan tambahan perbelanjaan yang besar dari pihak Kerajaan. Perubahan-perubahan yang mungkin melibatkan tambahan kewangan bagi pihak Kerajaan ialah

mengenai peruntukan-peruntukan yang menyetujui soal pampasan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang terpaksa bersara kerana kecederaan semasa menjalankan tugas atau mereka yang meninggal dunia akibat kecederaan semasa menjalankan tugas ataupun disebabkan perjalanan. Itupun menurut rekod di Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam, semenjak tahun 1972, hanya tiga kes yang melibatkan bayaran faedah-faedah kecederaan sahaja yang telah berlaku, iaitu satu dalam tahun 1972, satu dalam tahun 1975 dan yang akhir sekali berlaku dalam tahun 1977.

Perubahan yang benar-benar melibatkan implikasi kewangan ialah mengenai prinsip yang menggariskan perbezaan di antara pencen terbitan yang berkaitan dengan perkhidmatan dan pencen tanggungan yang berunsur pampasan. Mengikut rekod yang ada dalam tempoh 3 tahun iaitu antara 1-1-76 hingga 31-12-78 hitung panjang ada 20 kes pencen tanggungan setahun dibayar di bawah Ordinan Pencen 1951 yang melibatkan pembayaran purata \$62,200 dan jumlah ini akan meningkat kepada lebihkurang \$91,370 dengan perubahan prinsip seperti di atas. Oleh itu dengan lain perkataan ianya melibatkan tambahan perbelanjaan lebihkurang sebanyak \$29,170 dan jumlah itu purata akan bertambah dari setahun ke setahun sebanyak kadar yang sama sehingga kepada pertengahan tahun 1988 iaitu 12½ tahun dari tarikh 1-1-76. Oleh itu dengan mengambil tahun 1976 sebagai tahun asas, perubahan prinsip tersebut akan melibatkan perbelanjaan tambahan kira-kira \$450,000 dalam tahun 1980 yang termasuk juga tunggakan bagi tahun-tahun 1976 hingga 1979 yang dianggarkan sebanyak \$300,000 dan tambahan perbelanjaan "cumulative" sebanyak \$150,000 untuk tahun 1980.

Syor-syor perubahan prinsip yang lain yang mungkin melibatkan tambahan kewangan ialah mengenai pengiktirafan tempoh perkhidmatan dengan angkatan tentera dan mengubah had umur kanak-kanak yang menerima pencen terbitan/tanggungan dari 18 tahun kepada 21 tahun. Implikasi kewangan pada keseluruhannya tidaklah dapat ditaksirkan kerana ketiadaan maklumat sebagai asas pengiraan tetapi dijangka tidak akan memberi beban tambahan kewangan yang keterlaluan kepada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini perhatian perlu ditarik bahawa implikasi kewangan tidaklah seharusnya dipandang dari segi "direct cost" sahaja. Dari segi faedahnya pula kepada Kerajaan dan negara perubahan atau penyesuaian dalam prinsip-prinsip yang dibuat ini memang akan menjimatkan sebahagian dari perbelanjaan Kerajaan oleh kerana hasilnya boleh melicinkan pengurusan perkara pencen. Di samping itu ianya juga akan memberi galakan kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan supaya akan lebih bersungguh-sungguh melaksanakan tugas masing-masing walaupun mereka sedar tentang bahaya yang mungkin menimpa diri mereka. Oleh itu dengan perubahan-perubahan yang demikian ianya akan benar-benar menunjukkan keikhlasan dan kejujuran Kerajaan bagi mengiktiraf sumbangan perkhidmatan pegawai dan kakitangan Kerajaan terhadap negara.

Yang perlu ditegaskan iaitu undang-undang pencen yang baru ini serta beberapa perubahan dan penyesuaian prinsip-prinsip yang telah dipersetujui adalah satu urusan yang benar-benar unik yang patut boleh dibanggakan oleh semua pihak.

Dalam perkara ini penggubalan undang-undang pencen baru yang dikemukakan ini adalah satu langkah yang besar dan yang bersejarah bagi Kerajaan, yang dibuat oleh Kerajaan semata-mata untuk faedah pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangannya yang telah memberi banyak jasa kepada rakyat dan negara. Undang-undang pencen yang baru ini juga akan dapat melicinkan lagi urusan dan pentadbiran pencen yang kini memang diakui sebagai satu urusan pentadbiran personnel yang rumit. Kerajaan Barisan Nasional yang berjiwa rakyat memang sentiasa mengambil berat ke atas perkara-perkara yang ada kaitannya dengan kebajikan rakyat. Adalah dengan hasrat yang demikian, Kerajaan telah memberi tumpuan yang sewajarnya kepada perkara pencen untuk kakitangannya. Dengan adanya pertambahan faedah yang diberikan oleh Kerajaan dalam pembayaran pencen dan pampasan seperti yang saya sebutkan tadi adalah diharapkan pegawai-pegawai dan kakitangan awam akan lebih bersemangat dan penuh minat lagi menjalankan tugas mereka terhadap masyarakat dan negara. Walaupun ianya bukanlah menjadi ukuran perkhidmatan tetapi sekurang-kurangnya ia akan memberi harapan masa depannya yang baik kepada semua kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu sejarah pula inilah pertama kalinya dalam urusan pentadbiran "personnel" di mana Kerajaan telah dapat mengadakan hanya satu peraturan sahaja untuk dipakai bagi semua negeri-negeri di Malaysia yang merangkumi syarat-syarat dan kaedah-kaedah yang sama kepada semua kakitangan Kerajaan, tidak dikira di mana mereka berkhidmat, sama ada di Sabah, Sarawak ataupun Semenanjung Malaysia. Ini sudah tentu akan menambahkan lagi perasaan kekeluargaan di antara rakyat Malaysia khususnya kakitangan awam. Ianya juga akan mengujudkan persefahaman dan kerjasama yang penting dalam menjalankan tugas masing-masing dalam urusan mengenai pemberian faedah-faedah persaraan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon mencadangkan.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pentadbiran Pencen, Ganjaran dan lain-lain faedah bagi pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam dan juga tanggungan mereka dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.28 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan Rang Undang-undang Pencen tahun 1979 ini. Saya hanya akan memberikan beberapa pandangan mengenai kepincangan atau kelemahan-kelemahan yang didapati di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang pada keseluruhannya Rang Undang-undang ini adalah baik untuk mempertimbangkan semangat, dedikasi dan perkhidmatan cemerlang dalam perkhidmatan awam, juga akan memberikan satu perlindungan yang agak baik bila seseorang pegawai telah berkhidmat dan tamat berkhidmat dan dapat bersara dengan secara aman dan hidup terjamin. Tetapi mengenai Fasal 10 dan 11, di sini saya perlu menegaskan bahawa hak asasi seseorang pegawai

Kerajaan ataupun kakitangan Kerajaan bila dikehendaki bersara di bawah Rang Undang-undang baru ini maka di manakah mereka boleh mengemukakan rayuan mereka? Di dalam keseluruhan Rang Undang-undang ini tidak terdapat dengan jelas bahawa bagaimana seseorang pegawai Kerajaan apabila dikehendaki oleh Undang-undang baru ini terpaksa diberhentikan perkhidmatannya kerana sebab-sebab tertentu atas alasan kepentingan negara atau demi kepentingan perkhidmatan awam.

Dari segi perenggan ini, di sini tidak memberikan apa-apa definasi yang lebih menyeluruh dan mendalam tentang apakah maksudnya kepentingan negara dan kepentingan Perkhidmatan Awam. Ini yang saya merasa bimbang dan khuatir, mungkin pihak Kerajaan akan bertindak secara sewenang-wenangnya atau menyalahgunakan Fasal ini untuk memberhentikan perkhidmatan seseorang dengan alasan-alasan yang tertentu. Tetapi di bawah undang-undang ini satu perlindungan undang-undang atau principle of natural justice tidak diberikan supaya pegawai-pegawai yang tertentu yang diberhentikan perkhidmatan di bawah Fasal ini tidak dapat membela diri sendiri, sebab itu saya berharap bila undang-undang ini dikuatkuasakan maka satu Lembaga Rayuan (Appeals Board) boleh ditubuhkan di bawah undang-undang ini di mana Appeals Board ini akan dipengerusikan oleh seorang Hakim dari Mahkamah Tinggi untuk mendengar setiap rayuan daripada pegawai Kerajaan atau kakitangan Kerajaan yang dikehendaki bersara atas alasan-alasan yang tertakluk di bawah undang-undang itu supaya principle of natural justice boleh dijunjung tinggi dan juga segala bentuk penyalahgunaan kuasa boleh dielakkan. Ini adalah sangat mustahak, maka bagi pihak Perkhidmatan Awam saya tidak nampak apakah sebabnya Kerajaan merasa keberatan atau tidak boleh menubuhkan atau mengarahkan Lembaga Rayuan ini yang diketuai oleh seorang Hakim dari Mahkamah Tinggi untuk mendengar dan melayani segala masalah-masalah yang berpunca daripada seseorang pegawai yang dikehendaki bersara (pencen) di bawah alasan-alasan yang tertentu khususnya persaraan paksa seperti di dalam Fasal 10 dan Fasal 11.

Tuan Speaker, perkara kedua yang saya ingin sentuhi, ialah berkenaan dengan kadar atau kaedah perkiraan pencen ini. Memandangkan keadaan inflasi dan juga masalah-masalah yang selalu dihadapi oleh kakitangan atau pegawai Kerajaan yang bersara iaitu kos penghidupan selalu melebihi pencen yang diterima oleh mereka. Tentu menurut undang-undang ini pencen yang akan diterima ini tidak akan melebihi separuh gaji yang akhir mereka mereka terima. Memang dari segi ini kalaulah seorang pegawai Kerajaan yang bergaji rendah dia tentu akan menghadapi masalah bila dia bersara. Umpamanya saya selalu menerima aduan-aduan daripada pegawai-pegawai yang bergaji rendah yang sudah bersara kerana pencen yang diterimanya tidak dapat menanggung segala perbelanjaan kehidupannya seperti di masa di dalam tempoh perkhidmatannya. Maka dengan kuatkuasanya Undang-undang ini saya adalah merayu Kerajaan dapat menimbang untuk mempertinggikan kadar perkiraan pencen supaya seseorang pegawai Kerajaan bila dia sudah mengorbankan seumur hidup masa, tenaga dan nyawanya demi kepentingan negara dan perkhidmatan awam dan rakyat maka sekurang-kurangnya kehidupan persaraannya boleh diperlindungi dengan bayaran atau kadar pencen yang dibayar oleh Kerajaan. Ini adalah sangat mustahak untuk menjamin dan meningkatkan semangat dedikasi dan perkhidmatan kakitangan Kerajaan bila dia mengorbankan masa dan tenaganya dalam perkhidmatan awam dengan seumur hidupnya kerana dia akan diberikan satu perlindungan yang sewajarnya baik dari segi kos kehidupan atau dari segi pelajaran anaknya.

Di sini saya perlu menyeru Kerajaan khususnya peranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberikan perhatian berat atas masalah pelajaran di mana pegawai-pegawai Kerajaan telah mengorbankan nyawa ketika menjalankan tugasnya seperti Pasukan Keselamatan, baik pihak Polis atau tentera. Ini adalah perlu diperhatikan dan diambil berat, janganlah Pasukan Keselamatan negara kita bila menjalankan tugasnya untuk mempertahankan keselamatan negara, bila nyawanya terkorban, tetapi nasib anak mereka tidak terjamin bila mereka meninggal dunia. Maka dalam Undang-undang Pencen ini seharusnya dimasukkan satu jumlah perbelanjaan-perbelanjaan bagi pelajaran bagi anak-anak kakitangan yang sudah mengorbankan nyawanya bila mereka

menjalankan tugas mereka. Tetapi adakah pencen sudah termasuk bayaran perbelanjaan pelajaran ini? Saya berharap Yang Berhormat Menteri berkenaan boleh memberitahu Dewan ini, kalau tidak saya berharap cara pembayaran pencen ini boleh diubahsuaikan untuk memasukkan perbelanjaan pelajaran bagi anak-anak kakitangan Kerajaan yang sudah mengorbankan nyawa mereka bila menjalankan tugasnya. Ini adalah sangat mustahak, jika tidak ini akan mengecewakan kalangan perkhidmatan awam bila mereka mengingatkan satu kerja yang akan mengancam nyawa mereka.

Kalaulah kita mahu Pasukan Keselamatan atau pegawai-pegawai Kerajaan lebih berdedikasi dan bersemangat pergorbanan maka Kerajaan terlebih dahulu perlu mengadakan satu skim insuran baik di Undang-undang Pencen ini atau di mana-mana undang-undang yang berkenaan supaya masalah kehidupan, masalah pelajaran anak-anak pegawai Kerajaan boleh dapat diperlindungi. Ini akan memberikan satu galakan atau peransang atau satu insentif supaya mereka boleh lebih berdedikasi untuk kepentingan negara dan perkhidmatan awam kita. Saya berharap juga Jabatan Perdana Menteri boleh mengambil berat atas perkara bayaran pencen yang selalu membawakan kelambatan sehingga membawa masalah yang tidak diperlukan oleh mereka.

Sebagai satu contoh di negeri Melaka seorang pensioner tidak tahu apa sebab pencen bagi bulan lepas telah dipotong dengan kadar yang tidak ternyata seperti pada bulan-bulan yang lepas dan juga kadang-kadang ada sebahagiannya menerima bayaran pencen yang lambat. Kedua-dua perkara ini perlu juga diambil berat supaya seseorang pegawai Kerajaan atau kakitangan Kerajaan tidak akan dipaksa mengalami apa-apa masalah bila mereka sampai masa bersara. Biarlah mereka boleh hidup dalam tempoh persaraan ini dengan aman sentosa, tidak perlu dan tidak sewajarnya mereka dibiarkan mengalami berbagai gangguan dan juga kerunsingan fikiran mereka.

Inilah pandangan saya, saya berharap cadangan yang mustahak sekali iaitu mengenai Lembaga Rayuan (Appeals Board) yang diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi ini bolehlah dipertimbangkan dan juga saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan satu jawapan yang jelas bagaimana mengatasi atau melayani atau menyelesaikan masalah-masalah

kalau seorang pegawai Kerajaan yang dikehendaki bersara secara paksaan atau secara undang-undang di bawah Fasal 10 dan 11 ini maka bagaimana mereka boleh menggunakan hak asasi mereka untuk merayu kepada Lembaga itu supaya keadilan boleh ditegakkan.

Sekianlah sahaja, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Kangsar.

5.43 ptg.

**Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali (Kuala Kangsar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pencen, 1979 yang bernama satu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pentadbiran pencen, ganjaran dan lain-lain faedah bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam dan juga tanggungan mereka yang telah dibentangkan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyentuh di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan kakitangan Kerajaan yang telah bersara. Mereka ini dipandang sepi sesudah bersara padahal mereka ialah tulang belakang jentera pentadbiran negara dari tarikh mencapai kemerdekaan sehinggalah kepada tahun 1975. Khidmat mereka sungguh cemerlang tetapi dalam soal meneliti pencen mereka ketinggalan jauh dari apa yang dinikmati oleh kakitangan perkhidmatan awam di bawah Akta Pencen, 1979 yang mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1976.

Ini termasuklah kakitangan perkhidmatan awam yang sementara akan menikmati jika ada khidmatnya selama 10 tahun tidak kurang dalam lingkungan sebelum dan selepas 1hb Januari, 1976; yakni mula berkhidmat sebelum 1-1-1976 dan bersara selepas 1-1-1976. Saya merujuk Fasal 24 Akta Pencen, 1979 dan berkait dengan Fasal 25 iaitu pemberian elaun bersara terbitan kepada pegawai-pegawai sementara yang tidak dapat menikmati oleh pesara-pesara perkhidmatan awam yang bersara sebelum 1-1-1976. Seorang Pegawai Kerani perkhidmatan awam yang sementara bersara pada 1-1-1976 adalah lebih baik kedudukan pencennya dari seorang Pegawai Kerani tetap yang bersara pada 31-12-1975; cuma bezanya hanyalah sehari di antara satu dengan lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perasaan saya yang mendalam saya harap pesara-pesara Kerajaan sebelum 1-1-1976 dikaji semula pendapatan pencen bulanan mereka setimpal dengan harga sara hidup hari ini yang mana dengan adanya kenaikan harga barang-barang keperluan melambung dan wang persaraan yang mereka terima itu merupakan serba tidak cukup. Hendaknya ada lagi anak yang masih bersekolah maka bertambah-tambah deritalah orang tua yang sudah bersara itu.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, pernah terbaca dalam surat-suratkhobar apa yang disuarakan oleh pesara-pesara Kerajaan tentang kelewatan Jabatan yang berkenaan memproses bayaran pencen mereka. Ada di antaranya memakan masa sehingga 2 tahun. Maka segala rancangan-rancangan pesara itu habis terbelakal dan ini sangatlah menyedihkan. Saya harap keadaan yang pernah menimpa pesara-pesara Kerajaan seperti yang dialami dan disuarakan oleh pesara-pesara itu akan dapat perhatian.

Berbangkit berkenaan dengan lambatnya wang persaraan yang dibuat oleh dua pihak iaitu satu pihak dari pejabat tempat beliau bertugas dan satu pihak lagi dari Pejabat Persaraan, maka membebankan pula orang itu ke sana ke mari berulang-alik meminta agar wang persaraannya dicepatkan. Kadangkala terpaksa mengeluarkan wang yang banyak buat perbelanjaan untuk berulang-alik dari satu tempat ke satu tempat sedangkan wang pendapatannya tidak ada.

Saya merayu agar Kerajaan mengambil berat atas segala masalah mereka itu, memudahkan orang-orang yang sudah banyak jasa kepada negara kita ini dapat mengecap bersama-sama segala kemewahan di beberapa segi yang sedang dirasakan oleh rakyat Malaysia yang sedang membangun ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti lebih lanjut isi kandungan Akta Pencen, 1979 ini, saya dapati beberapa perubahan yang baik terdapat dari apa yang telah dinikmati oleh pesara-pesara yang terdahulu dari kuatkuasa Akta ini, seperti Fasal 22 yang menggariskan pencen maksima yang membolehkan seorang pegawai dipersarakan dengan ganjaran dan pencennya sehingga setengah dari gaji yang akhir diterima. Ini adalah menggalakkan para pesara Kerajaan dan juga bagi pegawai yang masih berkhidmat dan yang sudah bersara. Takdirnya mereka meninggal dunia pencer

masih boleh diberi kepada yang berhak sebagai pencen terbitan mengikut kadar yang diaktakan 12½ tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pencen 1979 ini dalam perhatian saya adalah lengkap bukan sahaja untuk anggota pegawai Kerajaan itu sendiri tetapi tanggungan-tanggungan-nya juga terpelihara dengan secara langsung. Pada yang mengambil masa untuk menyusun dan melengkapkan Akta Pencen, 1979 ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Dewan yang mulia ini bukan sahaja untuk mempersoalkan kebajikan-kebajikan kakitangan perkhidmatan awam, maka saya menyelitkan ingatan ikhlas supaya kita sama memikirkan dan mengkajikan juga pencen bulanan kepada pesara anggota Angkatan Tentera yang masih kelihatan garis-garis air muka mereka dengan tanda-tanda pengalaman dan perjuangan yang pahit yang mereka telah curahkan terhadap negara. Mereka juga tentunya menanti-nanti jikalau tidak banyak pun sedikit tambahan lagi mengikut sara hidup yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya dengan memberikan sokongan saya supaya Rang Undang-undang Pencen, 1979 ini diluluskan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Sandakan.

5.51 ptg.

**Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):** (*Dengan izin*) Tuan Speaker, I rise to take part in the debate on the Pensions Act, 1979. Mr Speaker, Sir, there should be a Committee of Inquiry to be set up for any pensioner whose pension is reduced or withheld by the Yang di-Pertuan Agong under this Act on the ground that the officer has been guilty of negligence, irregularity or misconduct, to ensure that the pensioner's interests are safeguarded. When the Yang di-Pertuan Agong makes any regulations under the Pensions Act 1979, the Yang di-Pertuan Agong should seek advice from a Committee to be set up consisting of representatives from the Pensioners' Association as they are the people who are affected directly and they understand more of the problems that are encountered.

Mr Speaker, Sir, with the improvement of living conditions and health facilities, Malaysians are expected to live longer, and as such,

the Government should consider extending the working period of government servants to 60 years of age. The reason is that once an officer retires at the age of 55 years, unless he can find an alternative job or find some other thing to occupy his time, due to psychological effects, he cannot be of much use, and his life would wither away.

Mr Speaker, Sir, numerous complaints are being received on the delay in payment of pensions and sometimes it takes more than a year after the retirement of the pensioner for the pension to be paid. Mr Speaker, Sir, many of our pensioners require their pension to maintain their living after retirement and any delay may cause undue hardship to them. I call upon the Government to expedite processing of pension papers so that the pensioners or their dependants, whichever the case may be, will enjoy the pension benefit upon retirement, disablement, or termination of service or on death.

Mr Speaker, Sir, I welcome the move to provide a uniform law for pensions in the country. I hope with the passage of this Bill the processing of pension papers could be expedited and bottlenecks and red-tape removed.

Tuan Speaker, Sir, I refer to Section 5 whereby the Yang di-Pertuan Agong may make regulations under this Act. I hope these regulations can be gazetted soon and that there would not be any undue delay in the gazetting of the regulations.

Tuan Speaker, Sir, I still remember that when the Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen was passed in 1971, the regulations promulgated under the Act was gazetted only in 1975—some 4 years later. This created a lot of administrative delays and I hope the same would not be repeated.

Tuan Speaker, Sir, I would like to say that Section 14 and 15 of the Act are rather unfair to the pensioners or their dependants. Pension is an earned benefit from one's useful years of service. Therefore, the Government should ensure that full pension must be paid to all pensioners or their dependants.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.55 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Pencen 1979 ini berdasarkan bahawa Undang-undang ini adalah lebih kemas dan lebih baik daripada Undang-undang yang lepas, lebih-lebih lagi dalam Undang-undang ini mempunyai satu penyatuan pencen di antara negeri-negeri yang ada di Malaysia ini.

Apa yang baik di dalam Undang-undang ini ialah Undang-undang ini akan memberi ganjaran yang baik kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang akan bersara lebih-lebih lagi sebagai satu penghormatan Kerajaan kepada perkhidmatan yang diberi oleh pegawai-pegawai awam yang telah berkhidmat dengan bersungguh-sungguh di dalam menjayakan segala aktiviti-aktiviti di dalam Kerajaan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kita atau pegawai-pegawai Kerajaan berterima kasih kepada Kerajaan kerana memberi ganjaran dan memberi pencen serta lain-lain faedah kepada pegawai-pegawai yang bersara demi kepentingan awam. Ini tercatat di dalam seksyen 13. Ini setelah dipersetujui atau difikirkan baik oleh Yang di-Pertuan Agong. Saya rasa di dalam kepentingan awam ini adalah perlu pihak yang berkuasa dalam bahagian pencen ini melaksanakan demi kepentingan awam supaya diberi bersara kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang didapati beliau ini tidak begitu cekap di dalam menjalankan pekerjaannya atau mungkin akan menjadi penghalang dari segi melaksanakan pembangunan, begitu juga menyebabkan kesakitan pegawai itu akan bertambah selain daripada mendapat pencen sebagai pilihan mungkin dari segi kepentingan awam maka pegawai-pegawai ini patut dipencenkan dengan segera kerana kita lebih mementingkan kepentingan negara atau kepentingan orang ramai daripada kepentingan pegawai itu seorang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun sebagaimana yang telah disebutkan bahawa urusan pencen ini lambat diterima oleh pesara-pesara selepas beliau itu berpencen. Saya rasa ini juga diambil perhatian walaupun telah disebut oleh rakan kita tadi tetapi kelambatan ini memang benar-benar dirasai oleh pesara-pesara yang bersara itu tidak mempunyai persediaan bagi kehidupannya dan keperluan kewangannya memang sangat mustahak. Sekiranya ini dilambatkan ke-

mungkinan perkara ini akan mengakibatkan masalah kepada persara itu. Saya tidak tahu sama ada di negeri-negeri telahpun diadakan satu jabatan iaitu jabatan bagi menguruskan soal pencen, kerana berkenaan dengan pencen ini tidak semua orang tahu, tetapi bagi merujuk perkara-perkara berkenaan dengan pencen akan menjadi masalah kepada pesara-pesara kalau rujukan itu dibuat kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam sahaja. Saya tidak tahu sama ada Jabatan ini telahpun ada di peringkat negeri-negeri. Kalau sekiranya tidak ada, saya rasa Jabatan ini patut ditubuhkan atau diadakan misalnya di Jabatan Setiausaha Kerajaan diadakan satu Jabatan Pencen yang menguruskan soal pembayaran atau soal apa sahaja yang bersangkutan dengan pencen supaya orang yang menghadapi kesulitan tambah-tambah kalau persara itu datangnya daripada mereka yang bergaji kecil yang hanya dari buruh-buruh atau pegawai-pegawai rendah yang tidak mempunyai keupayaan untuk menghubungi pihak-pihak yang berada di Kuala Lumpur ini, akan memberi kemudahan.

Selain daripada itu, di dalam Seksyen 14 (2) ada menyatakan bahawa pencen ini akan diberi selama  $12\frac{1}{2}$  tahun apabila seorang pegawai itu mati sebelum mendapat pencen atau hampir mendapat pencen setelah umurnya mencapai lebih daripada 50 tahun. Saya ingin tahu daripada manakah angka  $12\frac{1}{2}$  tahun ini diambil atau diambil kira. Kerana setahu saya, kalau seseorang yang berpencen itu didapati selepas itu tidak sempat menerima pencen dia meninggal dunia, kalau sekiranya beliau itu mempunyai seorang anak, saya rasa anak itu akan mencapai umur  $12\frac{1}{2}$  tahun, selepas itu balunya ataupun ibunya tidak akan lagi mendapat pencen dan selepas  $12\frac{1}{2}$  tahun umur anak-anak itu, misal kata anak itu baru lahir, maka akan mengalami kesulitan. Jadi apa salahnya kalau jangka panjang ataupun angka masa pencen ini ditambah lagi kepada 16 tahun sahaja. Dan selepas anak itu lulus daripada sekolah menengah atau keupayaan perbelanjaannya lebih baik, tentulah setelah 16 tahun ataupun 18 tahun. Ini akan memberi kebaikan kepada tanggungan anak-anak sekiranya anak itu baru lahir ketika ayahnya meninggal dunia masa mula-mula pencen, jadi sampai anak itu boleh mempunyai keupayaan untuk mencari kehidupannya sendiri selepas bersekolah. Jadi saya tidak tahu daripada mana  $12\frac{1}{2}$  tahun diambil dan saya mencadangkan kalau boleh dilanjutkan sampai 16 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang pesara-pesara ini dengan gajinya yang besar hanya apabila pencen mendapat separuh, jadi mungkin kehidupannya akan cepat berubah. Mungkin inilah akan mengalami ketidakcukupan ataupun sebagainya. Jadi melalui perbincangan undang-undang ini juga saya meminta pihak Kerajaan mengadakan kemudahan-kemudahan kepada pegawai-pegawai ini sebelum pegawai itu bersara. Misalnya jika sekiranya pegawai itu daripada pegawai rendah dan tidak mempunyai harta yang banyak maka pesara-pesara itu diberi misalnya kemudahan untuk mendapat tanah atau pesara itu diberi kemudahan untuk mendapatkan rumah sebagai tempat tinggal, kalau belum mempunyai rumah, ataupun kalau pesara itu mempunyai pengetahuan yang baik mungkin dapat memberi pengetahuan di dalam perniagaan ataupun pengetahuan di dalam cara mencari kehidupan baru sebelum pegawai itu mencapai umur ataupun diberi persaraan. Ini sebagaimana dilakukan di dalam Angkatan Tentera sebelum umur cukup untuk bersara diberi latihan kehidupan kepada tentera-tentera kita, bagi mencari kehidupan baru. Jadi pegawai juga patut ditimbangkan perkara ini sekiranya ada pegawai sebelum mencapai had umur berpencen itu diberi masa kepada mereka mencari pengetahuan atau mencari cara kehidupan baru bagi menampung kemudahan itu ataupun kemudahan-kemudahan lesen ataupun kalau yang pandai memandu, barangkali berhajat hendak jadi drebar teksi, ini mungkinlah pegawai tinggi tidak hendak jadi drebar teksi. Tetapi kalau buruh-buruh atau pegawai-pegawai yang berpangkat rendah, mungkin dia akan sanggup menjadi drebar teksi kalau diberi permit teksi ataupun lori ataupun kemudahan-kemudahan lesen yang boleh menampung kehidupan. Ini patut dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan.

Walau bagaimanapun selepas pesara itu bersara dari Jabatan Kerajaan, dari perkhidmatan awam pihak Kerajaan harus juga memerhati pegawai-pegawai ini atau kegiatannya selepas daripada berpencen, kerana kita dapati di kampung-kampung ataupun di bandar-bandar ataupun tempat-tempat yang terpencil, pegawai-pegawai Kerajaan inilah yang lebih pandai daripada orang-orang kampung yang ada yang mereka ini kadang-kadang di anggap sebagai ketua di dalam kampung itu dan banyak mengeluarkan idea-idea sekurang-kurangnya idea semasa dia bekerja 10, 20 atau 30 tahun di dalam Jabatan Kerajaan. Dan idea yang dikeluarkan itu

kadang-kadang bukan idea yang baik yang boleh menyokong ataupun yang boleh memberi faedah kepada Kerajaan tetapi kadang-kadang idea yang berlawanan yang boleh merosakkan nama baik Kerajaan. Jadi apabila pihak Kerajaan dapat mengawasi perkara ini jika sebenarnya pegawai-pegawai itu menjalankan kegiatan yang kurang baik yang boleh merosakkan nama baik Kerajaan, kadang-kadang dia membongkar segala rahsia semasa beliau bekerja di dalam Jabatan Kerajaan dahulu kepada rakyat dengan tujuan untuk membangkitkan perasaan benci kepada Kerajaan ataupun sebagainya maka saya mencadangkan kepada Kerajaan kalau boleh supaya ada peruntukan yang boleh membatalkan pencennya. Kerana orang seperti ini bukan kita tidak menghargai khidmatnya kepada Kerajaan tetapi beliau sendiri tidak berterima kasih dengan apa yang diberikan atau yang dibuat oleh Kerajaan kepada beliau.

Jadi sebab itulah kegiatan selepas berpencen ini patut diperhatikan atau patut mengadakan satu pengawasan. Ini bukan satu penganiayaan tetapi orang itu sendiri menganiaya dirinya kerana kegiatan yang boleh merosakkan kedudukan Kerajaan ataupun nama baik Kerajaan.

Selain daripada itu saya juga cuba hendak menyentuh soal pencen bagi orang yang beristeri dua. Kalau sekiranya si suami itu meninggal dunia selepas umur 55 tahun, mungkin si isterinya itu akan dapat pencen dan mungkin pencennya dibahagi dua. Dan masalahnya kalau seorang daripadanya berkahwin, (selalunya yang mudalah dulu), dan yang berkahwin itu tidak akan mendapat pencennya dan adakah boleh pihak Kerajaan menentukan bahawa pencen yang diberikan kepada isteri yang muda, yang berkahwin atau isteri yang satu lagi yang tidak dibayar itu diberi kepada isteri tua atau isteri yang tidak berkahwin, kerana selalunya isteri tua yang tidak berkahwin itu selalu anaknya banyak, bebannya itu berat. Jadi saya tidak tahu sama ada dalam peruntukan ini ada atau tidak. Kerana apa yang penting kita menilaikan bahawa itu hak isterinya, hak keluarga, jadi kalau isteri muda atau isteri yang satu lagi berkahwin, biarlah habuan kepada isteri muda itu diberi kepada isteri tua yang mempunyai tanggungjawab yang banyak supaya perkara ini mendapat pertimbangan kerana di dalam peruntukan ini tidak disebut. Sekurang-kurangnya dapat menyenangkan tanggungan isteri yang tua, yang banyak anak tadi.

Selain daripada itu juga, saya cuba hendak menyentuh sedikit soal wakil dari Menglembu yang telah mengejek saya mengatakan saya jagoh Bahasa Malaysia di dalam ucapan-nya. Kalau dia bandingkan dengan dirinya mungkin saya akan menjadi Jaguh Bahasa Malaysia. Tetapi saya tidak menyentuh soal ucapan DAP ataupun ucapan sesiapa di dalam Bahasa Malaysia yang Bahasa Malay-sianya tidak betul atau tidak mahir tetapi apa yang saya pentingkan di sini biarlah apa ucapan yang saya berikan itu janganlah diputarbelitkan oleh kerana kita sendiri tidak faham bahasa itu. Saya rasa walaupun beliau tidak ada di sini, beliau akan dengar di dalam biliknya.

Jadi, saya berharap juga di dalam Dewan ini yang saya paling sakit hati sekali dan tidak berasa apa-apa kalau sekiranya kebolehan mencuba kerana terpaksa mencuba, wakil-wakil DAP itu telah menggunakan Bahasa Malaysia tetapi yang paling sakit hati sekali mereka ini menggunakan bahasa-bahasa kesat, bahasa-bahasa kasar. Misalnya, perkataan "degil", selalu perkataan "degil" ini seperti wakil dari Menglembu sahaja menggunakan. Kalau dia buka kamus memanglah "degil" ini maknanya orang yang tidak dapat memahami tetapi degil ini jarang digunakan oleh orang Melayu, misalnya, kepada Menteri, kepada orang-orang yang sama tarafnya dengan kita, kalau kepada budak-budak, kepada lembu mungkin boleh. Jadi perkara ini, itulah saya kata kurang memahami Bahasa Kebangsaan. Begitu juga perkataan "bodoh", perkataan "biadap". Bagi saya, saya tetap menggunakan perkataan yang lebih tajam daripada apa yang digunakan oleh wakil-wakil daripada DAP. Kalau mereka itu masih lagi menggunakan perkataan itu di dalam Dewan ini.

Selain daripada itu, saya akui bahawa kalau sekiranya ada saya mengatakan anti kemiskinan di dalam ucapan saya yang lepas, saya ulang sekali lagi, dalam ucapan saya tidak dimasukkan dalam *Hansard*, saya kata "anti kepada orang-orang miskin", kerana berdasarkan ketiga-tiga wakil daripada DAP bercakap membincangkan Undang-undang yang lepas itu telah anti kepada orang-orang miskin. Mereka tidak bersetuju pembahagian mengikut kependudukan. Mereka berharap pembahagian itu berdasarkan kepada kependudukan, tidak mahu berdasarkan kepada kiraan kasar dalam negeri dan tidak mahu benda itu dihantar kepada negeri-negeri yang kurang

maju, misalnya, kalau sekiranya peruntukan diberi kepada Kelantan, kalau Kelantan tidak habis hantar . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini . . . . .**

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ya,** saya faham, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya akan lanjutkan ke lain pula. Jadi, itulah di dalam membincangkan Undang-undang ini banyak perkara-perkara itu sebagai satu jawapan saya dalam ucapan yang lepas supaya jangan dibangkitkan lagi dan saya akan memberikan cabaran kepada siapa sahaja yang membangkitkan perkara biadap atau kurang baik di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga di dalam pelaksanaan pencen ini kadang-kadang cepat pegawai yang pencen itu mendapat pencen atau mendapat pencen setelah pegawai itu begiu bersusah payah datang ke pejabat dan menelefon. Ini menjadi beban kepada Wakil-wakil Rakyat yang ada di peringkat kampung untuk memberi pertolongan kepada pihak yang berkenaan. Selain daripada itu di dalam sokongan saya ini, saya tidak hendak banyak menyentuh perkara yang ada di sini dan saya berharap di dalam pelaksanaan Undang-undang Pencen ini akan memberi kesempurnaan kepada pesara-pesara dengan baik dan akan memberi faedah kepada semua pesara yang memberi khidmat yang baik kepada Kerajaan, bukan kepada mereka yang cuba hendak menunjukkan pandai atau cuba hendak membuka apa-apa yang tidak puas hati semasa berkhidmat kepada Kerajaan, kepada rakyat dengan tujuan yang kurang baik.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Tanjong Karang.**

*6.15 ptg.*

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul berhubung dengan Rang Undang-undang Pencen 1979.

Di samping itu kita sama-sama dapat memahami terutama pegawai-pegawai kerajaan tentu sekali lebih faham masalah mengapa dan kenapa Rang Undang-undang ini dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Ini adalah satu bukti betapa kasih dan

sayangnya Kerajaan yang memerintah negara sekarang ini, Kerajaan Barisan Nasional saya tegaskan; dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan juga kepada keluarga-keluarga mereka sehingga sampai ke peringkat bersara. Dengan adanya kasih sayang inilah maka satu Rang Undang-undang yang begini baik telah dikemukakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi di Dewan yang mulia ini dan mendapat sokongan dengan beberapa hujah yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya tujuan dan matlamat Rang Undang-undang Pencen ini dikemukakan akan mendapat sanjungan daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan negara kita ini yang mana kita sama-sama maklum pegawai-pegawai Kerajaan di negara kita yang terlatih, berdisiplin dan dedikasi menjalankan tugas dengan begitu baik pada masa-masa yang lepas dan akan menjalankan tugas lebih baik lagi pada masa yang akan datang dengan adanya sebahagian daripada perasaan pegawai-pegawai berkenaan apabila menghadapi masa pencen yang akan datang.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua Kerajaan haruslah memikirkan dengan sepenuh perasaan apabila seseorang pegawai Kerajaan berpencen dalam negara ini harus dapat ditentukan keadaannya tidak melarat dan tidak sengsara walaupun mereka tidak bertaraf sebagai seorang pegawai yang masih bekerja tetapi tidak sengsara. Kerana kita harus sedar pegawai-pegawai Kerajaan dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat adalah mempunyai dua hak dalam negara demokrasi seperti negara kita ini. Hak pertama ialah hak rakyat, seorang pegawai Kerajaan tidak hilang hak rakyatnya apabila dia menjadi pegawai Kerajaan dan hak yang kedua ialah hak seorang pegawai Kerajaan yang menjalankan tugas negara. Oleh itu, hak yang kedua ini patut benar diberi perhatian apabila mereka telah bersara.

Rasanya Kerajaan dan rakyat negara ini tidaklah mahu melihat sesiapa pun pegawai Kerajaan yang bersara setelah mereka berkhidmat dengan menumpahkan sepenuh taat setia dan mengorbankan tenaga remaja mereka, tenaga belia dan beliawanis mereka kepada negara ini dengan sepenuhnya apabila mereka bersara mereka telah mempunyai kurang tenaga kerana telah lanjut usia, kehidupannya pula sengsara; tentulah per-

kara yang begini tidak diinginkan berlaku dalam negara ini. Perkara ini harus diambil perhatian oleh pihak yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita dengar satu hujah yang diragukan oleh seorang Ahli Yang Berhormat sebentar tadi di Dewan ini dalam mana Kerajaan akan melaksanakan Fasal-fasal 10 dan 11. Di sini kita harus sedar, harus Yang Berhormat tersebut sedar dan faham bahawa Kerajaan yang memerintah negara ini adalah Kerajaan yang datang daripada rakyat dan tiap-tiap lima tahun sekali ataupun tidak sampai lima tahun sekali rakyat membentuk semula Kerajaan tersebut. Oleh sebab itu, tidak payah diragukan lagi dalam masalah kejujuran Kerajaan bagi melaksanakan Fasal 10 dan fasal 11 ini kerana kita tidak mahu melihat pegawai-pegawai Kerajaan tidak dapat menjalankan tugasnya dan menyelweg pula daripada sepatutnya mereka bertugas, maka dengan itu kuasa penuh hendaklah diberikan kepada pihak-pihak yang melaksanakan Rang Undang-undang Pencen ini. Rasanya patut dipuji pihak yang berkuasa bagi melaksanakan Undang-undang Pencen ini kelak kerana pegawai-pegawai Kerajaan yang sepatutnya diberhentikan tanpa diberi pencen tetapi kerana keadilan, kerana peri kemanusiaan, kerana kasih dan sayangnya Kerajaan kepada rakyat yang menjadi pegawai walaupun beberapa hal berlaku tidak memuaskan mereka dipaksa pencen; bukan dipaksa berhenti, jadi dipaksa pencen ini mempunyai erti yang harus diberi ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang mencipta Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita terdapat pegawai-pegawai Kerajaan yang bersara walaupun mereka menerima hak bersara mereka pada tiap-tiap bulan, tetapi ada yang menerimanya di Pejabat Pos, ada di antaranya telah kurang bertenaga daripada tempat kediamannya menuju ke Pejabat Pos menempuh beberapa masalah. Ini patut diberi satu perhatian bagaimana cara supaya mereka menerima pencennya itu dengan lebih mudah, sama ada dihantar terus dengan pos ke rumah mereka dan mereka menandatangani tanda penerimaan, kemudian dikembalikan ke pihak yang berkenaan supaya memudahkan pegawai-pegawai yang bersara. Ini saya sendiri terlibat seorang pegawai bersara dibawa oleh cucunya dengan sebuah basikal menuju ke Pejabat Pos dan jatuh menyebabkan tak jadi menerima pencen mereka itu dan mereka balik sehingga lewat

daripada tarikh-tarikh yang sepatutnya mereka menerima kerana perkara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana baik pun undang-undang kita kemukakan di Dewan yang mulia ini tentulah pihak Pembangkang ada sahaja yang tidak puas hati kerana mereka mengambil kesempatan membangkang, inilah tugas mereka. Oleh sebab itu kepada Yang Berhormat Menteri yang mengemukakan undang-undang ini segala bantangan-bantangan yang diberi oleh mereka itu patut diucapkan terima kasih kerana mereka menjalankan tugas, tetapi kepada pegawai-pegawai Kerajaan jangan ragu-ragu terhadap kejujuran Kerajaan dalam melaksanakan ini kerana pegawai-pegawai Kerajaan dalam negara ini mempunyai dua hak yang saya katakan di peringkat awal tadi, iaitu apabila sampai masanya hak rakyat hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya bagi menentukan kejujuran pemerintah di negara ini dari semasa ke semasa, insya Allah perkara ini boleh berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang dapat saya perkatakan berhubung dengan Rang Undang-undang ini. Oleh kerana saya dapati cukup baik maka tidak ada yang tidak baik, melainkan baik belaka, oleh itu saya dengan segala sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Pencen 1979.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Kangar.

6.22 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sahaja sekadar menyokong Rang Undang-undang ini tetapi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan, khasnya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah membawa Rang Undang-undang yang begini baik dalam Dewan kita yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi adat dunia siapa yang buat baik dibalas baik, itu dari segi bidalan yang selalu dicakapkan dan telah menjadi adat juga yang biasa saya tengok, kalau satu-satu anak itu membuat baik kepada bapanya, insya Allah bila dia pula menjadi bapa, anaknya akan membuat baik kepadanya pula. Ini adalah cara budi membalas budi, itu di segi cara peri ke-

manusiaan. Sebab itulah saya mengucapkan tahniah selain daripada saya menyokong kerana ini amat kena pada tempatnya dan apa yang kita buat ini pada pendapat saya bukan sekadar cara kita berfikir sama manusia kata baik, bahkan sebagai manusia yang mengakui adanya Tuhan walau bangsa apa sekalipun berbuat baik kepada yang berbudi kepada kita itu sangat disuruh oleh Tuhan. Sebab itulah kepada orang yang berpenecen, yang telah bekerja dengan Kerajaan yang telah berkhidmat dahulu daripada kita diajar dan disuruh oleh Tuhan supaya berbuat baik.

Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat, maafkanlah saya bawa ini adalah bersangkut dengan pencen juga, yang saya kata ini baik saya buat contoh kita dengan Tuhan. Tuhan suruh kita sembah Tuhan. Tuhan kata Aku jadikan jin dan manusia itu untuk menyembah Aku. Kalau kita fikir sepintas lalu mengapakah Tuhan minta menyembahnya sedangkan Tuhan maha kaya, sedangkan Tuhan maha besar, tidak ada kekurangan pada Tuhan. Kita adalah sifat baru yang segala-galanya kurang tetapi oleh sebab Tuhan menjadikan kita, menjadikan segala makhluk dan menjadikan yang ada dalam alam maka cara tak langsung sebagai salah satu sebab pada pendapat saya kerana Tuhan hendak mengajar kita mesti membalas budi atau membalas jasa kepada siapa yang berjasa.

Yang kedua, sebagai alasan, selain daripada kita mesti patuh kepada Allah dalam hukum Islam, kita juga mesti patuh kepada ibubapa, jangan derhaka kepada ibubapa dan seterusnya kepada pemerintah. Mengapa dan kenapa yang kita mesti patuh, taat dan kasih kepada ibubapa dan tidak boleh derhaka kepada ibubapa kerana kita disabitkan Allah adanya kita dalam alam ini kerana keluarga atau kerana ibubapa kita yang menzahirkan. Dengan sebab itulah bagaimana baik satu-satu orang itu, bagaimana tinggi satu-satu orang itu dengan pelajarannya tetapi kalaulah dia menderhaka, tidak membalas budi kepada ibubapanya maka bagi agama Islam tidak ada pahala dan dia tidak dapat bau syurga. Mengapa, Tuan Yang di-Pertua? Kerana ini pada pendapat saya cara tak langsung Tuhan itu mengajar kita balas budi. Berbalas budi kerana orang buat baik kepada kita wajib mengikut Islam.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta maaf. Apa ini yang berkenaan dengan balas budi ibubapa, ini berkait dengan Bil Pencen.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya orang yang berpencen ialah orang yang telah berbudi kepada negara. Jadi semacamnya juga Tuhan berbudi kepada kita, ibubapa berbudi kepada kita walaupun mereka ini sudah tua, tidak boleh bekerja, berbudi kepada orang yang sudah menolong kepada kita itu adalah bersangkutan dengan Bil ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Baiklah, tumpukan kepada Bil Pencen ini.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ya, saya tumpukanlah ini, ke situlah jawabnya, jadi berkaitan dengan pencen ini.

Pada pendapat saya berbalas budi kepada orang yang telah berbudi kepada kita ini sangat-sangat disuruh oleh Tuhan. Maka dengan sebab itulah saya kata tadi Rang Undang-undang ini bagi saya bukan sekadar sokong, bahkan saya kata ini disuruh oleh Tuhan dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Kerajaan kita hari ini mengikut pendapat saya selagi kita berazam cara sekarang dan selagi kita beramalkan cara sekarang saya tidak fikir Barisan Nasional akan memerintah 5 tahun lagi bahkan saya ingat selagi ada Malaysia harus Barisan Nasional memerintah, selagi dia ikut aturan dan peraturan yang dikehendaki oleh Tuhan kerana manusia dan alam, sekali lagi saya tegaskan walau bangsa apa sekalipun percaya kepada Tuhan kecuali ada fahaman lain. Maka dengan sebab itu selagi kita ikut ini, insya Allah kita di-restui oleh Tuhan dan kita akan mendapat rahmat dan rakyat akan sokong kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi di segi orang berpencen kita akan berbalas budi, di segi orang yang belum berpencen kita telah buat baik macam kanak-kanak, askar dan sebagainya kita beri gaji. Inilah saya kata Kerajaan kita sebuah Kerajaan yang sungguh-sungguh bertimbang rasa, sungguhpun begitu jangan pula kata kalau sudah semuanya baik, semuanya ucapkan tahniah, apa lagi wakil dari Kangar hendak cakap—sokong terus duduk sahajalah, tetapi sebagai manusia, Tuan Yang di-Pertua, selagi manusia dinamakan manusia cara mana baik sekalipun ada juga yang kita hendak tambah,

moga-moga yang kita hendak tambah itu pada pendapat saya sendiri untuk membaikkan lagi Undang-undang ini sudah baik. Sekali lagi saya katakan, undang-undang ini sudah baik dan bagus tetapi untuk membaikkan lagi, maklumlah kita sebagai manusia walau bagaimana sihat kadang-kadang ada penyakit itu dan penyakit ini, kita sebagai manusia tidak boleh nafikan. Dengan sikap itu yang dapat saya celahkan sedikit sebanyak pada pendapat saya hendaklah diselami, kalau hendak ikut macam sikap ini tidak payahlah tetapi sebagaimana saya katakan tadi yang dibuat oleh manusia itu manusia boleh lagi tolong tegur, tokoh tambah walaupun untuk menambahkan kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kerana Undang-undang ini hendak menyelaraskan semua pegawai-pegawai Kerajaan yang ada dalam Malaysia, baik Malaysia Barat, Malaysia Timur atau Semenanjung Malaysia kerana kita dalam satu Malaysia. Ini satu langkah yang cukup baik.

Yang kedua, saya amat tertarik kepada apa yang diucapkan oleh Menteri dalam keterangannya tadi, saya contohkan di dalam bahagian yang membolehkan kanak-kanak menerima pencen terbitan. Kalau dahulu katanya umur 18 tahun tetapi sekarang sudah dinaikkan ke tingkat 21 tahun.

Dalam keterangan Yang Berhormat Menteri tadi telah menyatakan kita sekarang sudah merdeka, Undang-undang ini telah dibuat oleh Inggeris masa mereka menjajah kita dahulu, dengan sebab itu kata Menteri yang berkenaan patutlah kita mengubahsuai mengikut keadaan negara kita sendiri. Di atas apa yang dikatakan oleh Menteri tadi saya sungguh-sungguh bersetuju dan bukan sekadar itu sahaja dalam Undang-undang ini pada pendapat saya banyak lagi, bukan setakat umur 18 dinaikkan ke 21 tahun, banyak lagi perkara-perkara lain. Sekarang sudah merdeka, kita tidak patut lagi ikut jejak langkah walaupun perkara yang baik untuk kita jadikan tauladan tetapi bukan semua kita kena ikut, apatah lagi cara Asean kita ataupun cara kita di negara sebelah timur ini berlainan daripada negara barat. Jadi ada perkara-perkara yang tidak patut lagi hari ini kita hendak ikut jejak langkah apa yang dibuat oleh negeri yang tersebut walaupun mereka telah memerintah kita. Dengan sebab

itulah saya sungguh berasa gembira di atas penjelasan dan penegasan Menteri yang membawa usul ini tadi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masih banyak lagi hendak bercakap?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Saya hendak cakap lagi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Oleh sebab masa sudah sampai, Yang Berhormat bolehlah sambung pada hari esok.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Selasa, 16hb Oktober, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*